

KABA TJINDUO MATO DAN BUNDO KANDUANG :
ANALISIS STRUKTUR DAN TELAAH
AMANAT

SHAMSINAH BTE. IBRAHIM

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 1988 / 89

**KABA TJINDUO MATO DAN BUNDO KANDUANG:
ANALISIS STRUKTUR DAN TELAAH
AMANAT**

**OLEH
SHAMSINAH BTE. IBRAHIM**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR**

1988/89

Pengakuan

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

29-3-89

Tarikh

 (SHAMSINAH BTE. IBRAHIM)

Tandatangan dan nama calon

PENGHARGAAN

"Bi'smi'llahi'l - Rahmani'r - Rahim"

Syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan taufik, hidayah dan keizinanNya dapat juga saya menyempurnakan latihan ilmiah ini sebagai mana yang direncanakan dari awal hingga akhir.

Di dalam menjayakan usaha ini, pertamanya saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Encik Mohd.Pozi b. Hj. Masurori**, pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertindak sebagai penyelia saya di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Segala sumbangan, saranan, tunjuk ajar dan budi bicara beliau amat saya hargai dan sanjungi. Hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

Jutaan penghargaan dan terima kasih juga saya rakamkan buat yang dikasihi **Abah, Mak** serta **Mak Timah** yang sentiasa mendoakan kejayaan ini, kepada **Abang** yang sentiasa memberikan semangat dan dorongan serta banyak membantu ke arah kemajuan ini, untuk **datuk** dan **nenek** yang tidak sempat melihat kejayaan ini, hanya doa yang dapat diberikan, kepada adik-adik **Jo, Jai, Sal** dan **Tuty** serta jua **anak-anak saudara**, semoga kejayaan ini akan diteruskan oleh kalian.

Akhir sekali ucapan penghargaan dan terima kasih juga dihulurkan buat teman-teman seperjuangan yang banyak membantu sepanjang berada di kampus Bangi ini, terutamanya **Leha, Farid, Ijan, Na, Huda, Norlia, Fathiyah, Mai, Feeza** dan ramai lagi yang tidak disebutkan. Budi kalian tidak mungkin dilupakan... dan kenangan bersama kalian tetap tersemat di dalam ingatan.

Seterusnya penghargaan buat **Encik Japri b. Abu Bakar** yang sudi menaip latihan ilmiah ini. Terima kasih buat semua. Budi yang baik akan dikenang dan semoga segala yang dilakukan akan mendapat keberkatan dari Allah.

Shamsinah bte. Ibrahim,
No. 6, Rumah Rakyat Ulu Lalang,
71200 Rantau,
Negeri Sembilan.

K2A - 210,
Kamsis Dato' Onn,
UKM, Bangi.

SINOPSIS

Penelitian ini bertujuan untuk menganalisis struktur dan amanat di dalam *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang*. Dengan menggunakan Pendekatan Struktural, penulis menganalisis hubungan di antara unsur-unsur yang membina karya ini. Unsur-unsur tersebut ialah tema, plot, watak, latar, sudut pandangan dan gaya bahasa. Penulis turut membincangkan kepentingan setiap unsur tersebut. Di bahagian amanat, penulis mendapati beberapa amanat yang cuba diketengahkan oleh pengarangnya. Umpamanya unsur-unsur amanat yang positif dapat dijadikan contoh serta tauladan jua unsur-unsur yang negatif dapat dijadikan sempadan oleh para pembaca. Khusus untuk kesimpulan dari hasil penelitian yang telah dilakukan dari bab-bab yang terdahulu, penulis telah menilai unsur-unsur yang membina struktur kaba yang dikaji ini dan melihat kepentingan unsur-unsur ini di dalam pembinaan struktur kaba tersebut.

SYNOPSIS

The objective of this study is to analyse the structure and the "message" (amanat) in the work entitled *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang*. Using the structural approach, the writer analyses the theme, plots, setting, views and style that together make this creative work. The writer discusses the importance of each one of these elements. For example, when dealing with the element of "message" this writer feels the author was trying to put emphasis on certain "message" in that his readers may be guided by the positive and negative "message" in leading their lives. This writer has evaluated the elements that build up the structure of the "kaba" and their significance to this structure.

PENGANTAR

Sastera dan masyarakat memang tidak dapat dipisahkan. Sehubungan dengan ini, sastera lama mempunyai hubungan yang amat erat dengan masyarakat. Sastera berbentuk prosa dan puisi ini kemudiannya terus berkembang dari satu generasi kepada satu generasi yang lain sebagai satu sumber pengajaran dan hiburan kepada masyarakat.

Di dalam masyarakat Minangkabau, sastera lisan berbentuk prosa dikenali sebagai kaba. Biasanya kaba disampaikan di dalam bentuk prosa lirik. Kaba Minangkabau yang merupakan hasil kesusasteraan lisan dalam bidang budaya rakyat juga mempunyai pengaruh yang besar sebagai alat menghibur bagi masyarakat Minangkabau.

Pengkaji terhadap bentuk kaba ini didorong oleh rasa tertarik hati penulis kepada bentuk-bentuk kesusasteraan Melayu lama khususnya bentuk-bentuk kesusasteraan yang berasal dari Minangkabau. Sastera masyarakat Minangkabau ini ada kelainannya. Walaupun ia adalah sastera lisan berbentuk prosa namun cerita-cerita ini biasanya disampaikan oleh penglipurlara di dalam bentuk prosa lirik. Selain daripada itu, penghasilan kaba juga mempunyai kaitan dengan adat yang melingkungi kehidupan masyarakat Minangkabau dan ia merupakan ciri yang agak unik di dalam penghasilan kaba.

A. Tujuan Kajian.

Ada beberapa tujuan yang mendorong kajian ini dijalankan iaitu;

- i. Untuk melihat kehadiran unsur-unsur yang membentuk struktur kaba ini.
- ii. Untuk melihat unsur-unsur amanat dan hubungannya dengan unsur-unsur yang membina karya ini.

- iii. Untuk memberikan penjelasan yang lebih mengenai isi kandungan karya yang dikaji.
- iv. Melihat kewujudan elemen-elemen tertentu dalam membentuk suatu makna tertentu dengan berdasarkan kepada struktur penceritaan dari setiap aliran genre sastera klasik berbentuk prosa.
- v. Menganalisis kewujudan unsur-unsur lain yang turut menghidupkan jalinan cerita dalam karya yang dikaji.
- vi. Mengkaji bentuk urutan penceritaan yang menjadi dasar penciptaan yang kreatif di dalam kaba.

B. Kajian-Kajian Lepas.

Kajian-kajian terhadap unsur-unsur struktur dan amanat terhadap genre-genre cerita klasik berbentuk prosa telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu terutamanya untuk tujuan latihan ilmiah mahasiswa/i di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan. Bagaimanapun, pengkajian terhadap unsur-unsur struktur dan amanat yang dilakukan lebih banyak didasarkan kepada kaedah Pendekatan Formalistik. Hanya satu kajian mengenai unsur-unsur struktur dan amanat ini cuba memberikan penekanan kepada kaedah Pendekatan Struktural seperti yang dilakukan oleh;

- i. Rosli Md. Dali, "Hikayat Hassan Damsyik : Analisis Struktur dan Telaah Amanat," Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987.

Kecenderungan penulis untuk mengkaji aspek struktur dan amanat di dalam kaba ini diharapkan dapat memberikan sedikit sumbangan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk mengkaji hasil-hasil kesusasteraan lain yang berasal dari Minangkabau dengan secara lebih terperinci lagi.

C. Persoalan Kajian.

Permasalahan dalam penelitian ini adalah untuk memperlihatkan sejauh manakah struktur kaba ini terdiri dari elemen-elemen yang saling berkaitan dan berhubungan di antara satu unsur dengan satu unsur yang lain. Penelitian juga ditumpukan kepada analisis bagaimana unsur-unsur struktur kaba ini disusun sehingga dapat mendokong unsur-unsur amanat seperti yang cuba diketengahkan oleh pengarang kaba ini. Permasalahan inilah yang cuba digarap oleh penulis di dalam kajian ini.

D. Skop Kajian

Skop pengkajian adalah khusus kepada teks yang dipilih iaitu *Kaba Tjinduo Mato dan Bunda Kandung* dengan menghadkan kepada analisis terhadap aspek struktur dan amanat. Analisis yang dilakukan adalah didasarkan kepada Pendekatan Struktural kerana kaedah ini dirasakan lebih sesuai dan dapat memenuhi tujuan dan kehendak kajian.

E. Metodologi Yang Digunakan.

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada kajian perpustakaan. Penyelidikan dijalankan terutamanya di perpustakaan-perpustakaan Tun Seri Lanang, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Jabatan Persuratan Melayu dan Universiti Malaya. Segala bahan rujukan, majalah, makalah, artikel dan jurnal yang dianggap relevan dan bersangkutan dengan kajian ini turut digunakan sebagai rujukan. Bahan-bahan tersebut disaring untuk menentukan ketepatannya sebagai bahan rujukan dan data-data yang didapati darinya diproses dalam bentuk analisis.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
PENGANTAR	iv
KANDUNGAN	vii
 BAB I: PENGENALAN TEKS DAN DEFINISI	
1.1 Latar-Belakang Sastra Lisan	1
1.2 Kaba Minangkabau	2
1.3 Definisi Struktur Dan Sejarah Perkembangan Pendekatan Struktural Di Dalam Karya-karya Sastra	8
1.4 Definisi Amanat	13
1.5 Pengenalan Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kandung	15
1.5.1 Latarbelakang Pengarangnya	16
1.5.2 Tarikh Penciptaan	17
1.5.3 Tujuan Penciptaan	17
1.5.4 Perbandingan Dengan Naskhah-Naskhah Lain	18
1.6 Ringkasan Cerita	21
 BAB II: TRANSKRIPSI TEKS KABA TJINDUO MATO DAN BUNDA KANDUANG	28
 BAB III: ANALISIS TEMA DAN STRUKTUR DI DALAM KABA TJINDUO MATO DAN BUNDA KANDUANG	
3.1 Pengenalan	147
3.2 Tema Dan Persoalan	148
3.2.1 Tema Dan Persoalan Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kandung	149
3.3 Struktur Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kandung	156
3.3.1 Plot Cerita	156
3.3.1.1 Plot Cerita Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kandung	158
3.3.2 Watak Dan Perwatakan	164

3.3.2.1	Watak Dan Perwatakan Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduung	167
3.3.3	Latar	181
3.3.3.1	Latar Kaba Tjinduo Mato Dan Bunda Kanduung	183
3.3.4	Sudut Pandangan	188
3.3.4.1	Sudut Pandangan Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduung	190
3.4	Struktur Bahasa Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduung	
3.4.1	Pengenalan	193
3.4.2	Gaya Bahasa Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduung	194
3.4.3	Struktur Ayat	200
3.4.4	Sistem Ejaan	202
3.4.5	Pengaruh Bahasa Asing	204
BAB IV:	TELAAH AMANAT DI DALAM KABA TJINDUO MATO DAN BUNDO KANDUANG	
	Penilaian Terhadap Unsur-Unsur Amanat Di Dalam Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduung	205
BAB V:	RUMUSAN	226
BIBLIOGRAFI		232
LAMPIRAN I		235
LAMPIRAN II		236

BAB 3

ANALISIS TEMA DAN STRUKTUR DI DALAM KABA TJINDUR MATO DAN BUNDO KANDUNG

3.1 Pengenalan

Struktur merupakan suatu rangka pembinaan atau suatu cara penyusunan. Jika ditujukan kepada cereka maka struktur ialah cara penceritaan di dalam sesebuah cereka.¹

Struktur itu sebenarnya terdiri dari berbagai elemen atau unsur yang melahirkan kesan seni di dalam sesebuah karya. Secara khusus unsur yang dimaksudkan itu ialah plot, watak dan perwatakan, latar serta sudut pandangan. Unsur-unsur tersebutlah yang menjadi huraian utama di dalam sebarang penganalisaan mengenai struktur sesebuah karya kerana unsur-unsur inilah yang membina struktur sesebuah karya. Dengan kata lain, unsur-unsur inilah yang merupakan aspek dalaman atau instrinsik sesebuah karya sastera. Ini bermakna kajian sastera secara pendekatan struktural adalah suatu kajian yang menghubungkan segala unsur yang terdapat di dalam sesebuah karya sastera itu supaya dapat mewujudkan suatu kesatuan yang padu dan organis.

Dengan ini dapat dikatakan bahawa karya sastera merupakan struktur yang mempunyai unsur-unsur yang saling berkaitan dan berhubungan di antara satu sama lain dalam fungsinya mendokong kebulatan cerita itu. Oleh yang demikian, penelitian

¹ Hashim Awang, Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975), hlm. 104.

struktural yang dibuat terhadap Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang ini akan memberikan penekanan kepada binaan unsur-unsur struktur ini serta hubungkait atau jalinan di antara unsur-unsur tersebut.

3.2 Tema dan Persoalan.

Di dalam kesusasteraan, tema merupakan unsur penting untuk membentuk sesebuah genre sastera, baik cerpen, novel, drama mahupun puisi. Oleh itu, seseorang pengarang di dalam menghasilkan karyanya harus mencari tema terlebih dahulu sebelum memulakan karyanya. Ini adalah kerana bagi seseorang pengarang itu, mencipta bukanlah semata-mata untuk mencipta, tetapi juga bertujuan untuk menyampaikan sesuatu mesej atau perutusan kepada masyarakat. Leon T. Dickinson telah mendefinisikan tema sebagai;

"... is what the story essentially "about"; not the subject matter , but the essential significance of the subject matter and the author's conception of it." ¹

Kamus Dewan pula memberikan pengertian tema sebagai;

"... Dasar fikiran; fikiran yang dijadikan dasar sesuatu perbicaraan..."²

Dari pengertian-pengertian di atas dapatlah disimpulkan bahawa tema adalah asas atau dasar ataupun pusat cerita di dalam memperkatakan sesuatu mengenai sastera. Melalui temalah pengarang dapat memberitahu, memberi gambaran dan menunjukkan dengan tegas apa yang terdapat di dalam sesuatu hasil sastera kepada pembaca. Di

¹ Leon T. Dickionson, A Guide to Literary Study (New York : Holt, Rinehart & Winston, 1959), hlm. 29.

² Teuku Iskandar, Kamus Dewan (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970), hlm. 212.

samping berdiri sebagai elemen yang penting di dalam sesebuah ciptaan sastera, tema juga dapat dianggap sebagai inti persoalan yang menguasai karya.

Secara keseluruhannya, tema adalah faktor penting di dalam sesebuah karya sastera kerana dari temalah akhirnya tercetus penampilan teknik, jalinan cerita dan pemilihan watak-watak. Semua itu pada asasnya bertujuan untuk mendekatkan manusia dengan masalah-masalah hidup sehari-hari. Ini telah ditegaskan oleh Cleanth Brooks dan Robert Penn Warren sebagai berikut;

"Tema adalah idea, makna dan interpretasi tentang manusia dan peristiwa-peristiwa. Tema merupakan penyerapan dan penyatuan pandangan-pandangan hidup manusia yang terkandung di dalam keseluruhan sesebuah cerita." ¹

Pendek kata, tema ialah pokok persoalan di dalam sesebuah cerita yang ingin disampaikan oleh seseorang pengarang kepada pembaca dan diolah dengan pelbagai persoalan yang tertentu. Ia tidak dapat dilihat sepenuhnya sehingga cerita itu selesai dibaca. Cara watak-watak bergerak, berfikir dan bertindak, cara watak-watak itu bertentangan antara satu sama lain, bagaimana cerita itu diselesaikan, semuanya menentukan rupa tema yang dikemukakan^{kan} oleh pengarangnya.²

3.2.1 Tema dan Persoalan Kaba Tjinduo Mato dan Bunda Kandung

Kaba Tjinduo Mato dan Bunda Kandung dikatakan sebagai sebuah kaba yang tertua serta merupakan juga kaba yang paling popular di kalangan masyarakat Minangkabau. Kaba ini memperlihatkan bahagian terpenting di dalam kehidupan sosial masyarakat Minangkabau. Ia juga memperlihatkan keseimbangan dan kehormatan di

¹ Cleanth Brooks dan Robert Penn Warren, Understanding Fiction (New Jersey : Prentice Hall, 1971), hlm. 273.

² Ali Ahmad, Asas Menganalisa Cereka (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978), hlm. 13.

antara agama Islam dan adat di bawah pemerintahan seorang ketua wanita yang bernama Bunda Kandung, di mana ianya juga merupakan panduan yang lengkap serta sempurna di dalam pembentukan sosial dan pentadbiran kerajaan.¹

Bunda Kandung adalah panggilan terhadap golongan wanita menurut adat Minangkabau. "Bundo" bererti ibu, "kandung" adalah sejati. Bundo Kandung adalah ibu sejati yang memiliki sifat-sifat keibuan dan kepimpinan.²

Hairaki pemerintahan di Minangkabau diketahui oleh seorang pemimpin wanita yang bergelar Bundo Kandung. Bundo Kandung sebagai golongan wanita adalah pengantara keturunan yang harus memelihara diri, serta mendudukkan diri sendiri dengan aturan "adat basandi syarak". Ia harus membedakan buruk dan baik, halal dan haram dalam hal makanan serta perbuatan lahiriah lainnya, kerana sebagai pengantara keturunan ia mempunyai tugas pokok dalam membentuk dan menentukan watak manusia dalam melanjutkan keturunan.³

Di bawah Bundo Kandung terdapat pula menteri-menteri yang bergelar Besar Empat Balai yang terdiri daripada Datuk Bendahara di Sungai Tarab, Makhdum di Sumanik, Tuan Kadhi di Padang Ganting dan Datuk Indomo di Saruaso. Setiap orang menteri mempunyai tugas dan peranannya yang tersendiri dalam membentuk serta menentukan keamanan dan keharmonian negeri.

¹ A. H. Johns, 1958, hlm. xi.

² H. Idrus Hakimy Dt. Rajo penghulu, Pegangan Penghulu, Bundo Kandung dan Pidato Alua Pasambahan Adat Di Minangkabau (C.V. Bandung : Penerbitan Remadja Karya, 1984), hlm. 75.

³ Ibid., hlm. 75.

Menurut hukum adat Minangkabau, ibu adalah tempat menarik tali keturunan manusia di Minangkabau yang disebut matrilineal.¹ Hal ini jelas terlihat di dalam KTMDKBK di mana pemerintah sebenar di Minangkabau adalah putera Bunda Kandung yang bernama Sultan Rumandung dengan memakai gelaran Dang Tuanku. Bagaimanapun, segala urusan pemerintahan dan pentadbiran serta segala keputusan dipegang oleh Bunda Kandung. Ini memperlihatkan bahawa kaum wanita di dalam masyarakat Minangkabau mempunyai kedudukan yang tinggi dan mulia dari lelaki.

Tema utama di dalam teks ini memperlihatkan akan pentingnya diadakan rundingan ataupun musyawarah di antara pemerintah dan para pembesar untuk mencapai sesuatu keputusan atau kata sepakat di dalam sesuatu permasalahan yang timbul. Tema ini dapat dilihat menerusi dasar yang diamalkan di dalam sistem pemerintahan kerajaan Pagar Ruyung di bawah pentadbiran seorang ketua wanita yang bernama Bunda Kandung. Ciri rundingan ini diberikan penekanan serta keutamaan untuk mewujudkan keadilan di samping ianya dapat memberikan keputusan yang sebaik-baiknya.

Bunda Kandung sebagai pemerintah di Pagar Ruyung merupakan seorang pemimpin wanita yang amat berpegang teguh kepada prinsip sebagai seorang pemerintah seperti yang digariskan menurut adat Minangkabau. Di dalam adat Minangkabau, seseorang pemerintah atau penghulu dikehendaki berpegang kepada ketentuan adat yang dinamakan "Menuruik Alua nan Lurui" (Menurut Adat Yang Lurus).² Perkataan "alua" bererti setiap ketentuan adat Minangkabau dan agama Islam di dalam pergaulan hidup ini seperti ekonomi, sosial, hukum dan sebagainya yang telah digariskan oleh nenek moyang yang menciptakan adat Minangkabau, yakni Datuak Perpatih Nan Sebatang dan Datuak Ketemenggungan, yang bersendikan kepada alur dan patut, dan disebut di dalam hukum adat "Alua Pusako". "Alua Pusako" ini menurut adat

¹ Ibid., hlm. 75.

² Ibid., hlm. 95.

Minangkabau tidak dapat dimuafakati, kerana ia merupakan peraturan yang didasarkan kepada ketentuan-ketentuan alam ini, yang sebenarnya objektif dan nyata.¹

Setiap peraturan di dalam sesuatu negeri yang telah diputuskan dengan kata muafakat dari para pemimpin dan pemangku adat juga harus ditaati. Setiap yang dibuat dengan kata muafakat ini disebut di dalam adat sebagai "Alua Adat" yang boleh diubahsuai menurut situasi dan keadaan-keadaan yang tertentu.² Ini memperlihatkan akan kepentingan permuafakatan di dalam pentadbiran negeri Minangkabau.

Di dalam teks ini jelas terlihat musyawarah dijadikan sebagai asas pemerintahan Bunda Kandung menerusi kata-kata yang dilafazkan oleh Bunda Kandung seperti berikut;

"Bulat air di pembuluhan, bulat kata jua muafakat, putus rundingan tentang itulah dapat kata seia, dapat rundingan semuafakat."

(KTMDBK, hlm. 19)

Tindakan adik kepada Bunda Kandung yang bernama Raja Muda iaitu pemerintahan di Sungai Ngiang melanggar janji yang telah dimeteri menimbulkan kemarahan Bunda Kandung. Raja Muda telah bertindak mengahwinkan anaknya yang bernama Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya sedangkan Puteri Bongsu sebenarnya telah ditunangkan dengan Sultan Rumandung (Dang Tuanku) sejak mereka kecil lagi. Tindakan Raja Muda mengahwinkan Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya disebabkan Dang Tuanku dikatakan telah menghidap penyakit tokak dan tekong serta telah dihalau dari negeri Pagar Ruyung. Mendengar perkhabaran tersebut, Bunda Kandung yang merasa amat marah mengambil keputusan hendak menyerang negeri Sungai Ngiang.

¹ Ibid, hlm. 95 -96.

² Ibid., hlm. 96.

Bagaimanapun hasrat Bunda Kandung ini cuba dihalang oleh Dang Tuanku dan Tjindur Mata tetapi mereka masih gagal untuk menghalang Bunda Kandung dari meneruskan niatnya itu.

Rundingan kemudian diadakan di antara Besar Empat Balai yang terdiri daripada Datuk Bendahara di Sungai Tarab, Makhdum di Sumanik, Tuan Kadhi di Padang Ganting dan Datuk Indomo di Saruaso dengan disertai oleh Dang Tuanku, Tjindur Mata dan Bunda Kandung sendiri. Hasil dari rundingan itu Besar Empat Balai telah mencadangkan agar Bunda Kandung menghantar kerbau si Binuang serta "sirih agak sehelai, pinang agak sekacip dan beras agak segenggam" kepada Raja Muda sebagai tanda putih hati dan merestui perkahwinan di antara Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya. Besar Empat Balai merasakan bahawa serangan ke atas Sungai Ngiang tidak perlu dilakukan kerana ia akan meletuskan perang saudara. Keputusan yang dicapai hasil dari rundingan Besar Empat Balai ini bukan sahaja disenangi dan dipersetujui oleh Bunda Kandung malah ia akan mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua pemerintah iaitu Bunda Kandung di Pagar Ruyung dan Raja Muda di Sungai Ngiang.

Aspek rundingan dan musyawarah ini juga memainkan peranan yang penting untuk memutuskan hukuman yang harus dijatuhkan ke atas Tjindur Mata kerana beliau dikatakan telah membawa dan melarikan Puteri Bongsu ke Pagar Ruyung pada malam hari pernikahannya dengan Raja Imbang Jaya. Hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan Tjindur Mata itu amat sukar untuk diputuskan. Rundingan-rundingan yang dibuat bukan sahaja melibatkan Bunda Kandung dan Besar Empat Balai malahan ianya turut melibatkan Raja Buo dan Raja Sumpurkudus. Raja Buo dan Raja Sumpurkudus adalah raja-raja yang termasuk di dalam adat Minangkabau serta bergelar "Raja Dua Sila". Bagaimanapun kedua-dua raja ini juga tidak dapat untuk memberikan hukuman di atas kesalahan yang dilakukan oleh Tjindur Mata itu kerana mereka merasakan Dang Tuanku akan dapat menjatuhkan hukuman yang sewajarnya. Raja Buo dan Raja

Sumpurkudus menyerahkan agar keputusan dan hukuman dibuat oleh Dang Tuanku sebagai pemerintah di Minangkabau.

Hasil dari rundingan-rundingan yang diadakan itu, Dang Tuanku sebagai pemerintah telah memberikan pendapat dan pandangannya terhadap apa yang telah dilakukan oleh Tjindur Mata. Menurut Dang Tuanku, Tjindur Mata tidak bersalah kerana membawa dan melarikan Puteri Bongsu sebaliknya Imbang Jaya yang bersalah kerana membuat fitnah dengan mengatakan Dang Tuanku telah menghidap penyakit tokak dan tekong. Menurut Dang Tuanku lagi, Imbang Jaya juga bersalah kerana telah mengupah penyamun-penyamun supaya membunuh orang-orang yang melalui Bukit Tambuntulang. Bagaimanapun kesalahan Imbang Jaya yang paling besar ialah merebut tunangan Dang Tuanku sendiri iaitu Puteri Bongsu. Dengan ini, Tjindur Mata bukanlah melarikan Puteri Bongsu tetapi telah menolong melepaskan Puteri Bongsu dari tangan Raja Imbang Jaya. Keputusan yang dibuat oleh Dang Tuanku ini kemudiannya dipersetujui oleh semua pihak termasuklah Bunda Kandung dan Besar Empat Balai.

Keadaan di atas memperlihatkan bahawa keputusan yang dibuat oleh Dang Tuanku itu telah dipersetujui. Bagaimanapun, sebelum Dang Tuanku dapat memberikan keputusannya, rundingan-rundingan tetap diadakan oleh Besar Empat Balai, Raja Buo dan Raja Sumpurkudus di dalam usaha mereka untuk mencapai kata sepakat mencari hukuman ke atas Tjindur Mata. Pada dasarnya, Dang Tuanku dan Bunda Kandung sebagai pemerintah mempunyai kuasa mutlak untuk menjatuhkan hukuman ke atas Tjindur Mata tetapi menurut adat yang digunakan di Minangkabau, rundingan-rundingan akan diadakan terlebih dahulu. Hasilnya satu keputusan yang disepakati dan dipersetujui oleh semua pihak dapat dicapai. Sesuatu keputusan itu tidak dibuat dalam jangka masa yang singkat tetapi dibuat setelah dikaji dengan sedalam-dalamnya dan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Di dalam adat Minangkabau, suara Bundo Kanduang dalam bermusyawarah mempunyai hak yang sama dengan kaum laki-laki. Setiap suatu yang akan dilaksanakan di dalam lingkungan kaum dan persukuan menurut adat, suara dan pendapat wanita sangat menentukan lancar atau tidaknya pekerjaan itu.¹

Di dalam teks ini, Bunda Kandung digambarkan sebagai tidak pernah diketepikan pada setiap kali rundingan dan musyawarah diadakan. Walaupun Bunda Kandung hanya digambarkan bertindak sebagai pemerhati sahaja di dalam teks ini namun kehadirannya tetap dianggap penting. Umpamanya di dalam musyawarah yang diadakan untuk mencari hukuman yang sesuai ke atas Tjindur Mata, Bunda Kandung tidak menggunakan kuasanya untuk menjatuhkan hukuman seperti katanya;

"Lorong kepada si Bujang tidak suka hamba menghukum. Dengan apa hamba menghukum?. Kalau dihukum secara adat, hamba tidak menggenggam adat, adat dipegang oleh Bendahara. Dengan syara' hamba hukum, hamba tidak ahli Kitabullah. Syara' terserah pada Tuan Kadhi."

(KTMDBK, hlm. 107)

Petikan di atas menjelaskan bahawa Bunda Kandung menyerahkan agar sesuatu keputusan itu dibuat oleh mereka yang arif di dalam perkara-perkara berkenaan dan bukannya dilakukan oleh mereka yang tidak arif. Setelah sesuatu keputusan yang sewajarnya dicapai maka Bunda Kandung akan memberikan persetujuannya.

Teks KTMDBK ini juga memperlihatkan adanya keseimbangan di dalam pelaksanaan agama dan adat di dalam pemerintahan. Di samping berpandukan kepada adat sebagai dasar pemerintahan, Bunda Kandung dan Dang Tuanku juga tidak mengeneipkan agama sebagai landasan di dalam pentadbiran negeri. Cantuman di antara agama dan adat ini telah melahirkan suatu keharmonian di dalam pentadbiran negeri

¹ Ibid., hlm. 81.

Minangkabau kerana meskipun kehidupan mereka dilingkungi oleh adat masyarakat yang kuat namun adat-adat yang tidak bertentangan dengan syariat agama sahaja yang dilaksanakan. Umpamanya unsur permusyawarahan ini memang amat digalakan oleh Islam untuk menghasilkan satu keputusan yang adil.

Dengan ini ternyata pengarang merumuskan bentuk tema KTMDBK ini dengan pelbagai persoalan yang melahirkan permusyawarahan atau rundingan sebagai tunggak untuk mencapai sesuatu keputusan kerana ia merupakan satu cara yang dapat melahirkan satu keputusan yang adil dan saksama.

3.3 Struktur Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang.

Struktur sebagai mana yang telah diberikan pengertiannya di dalam Bab I dapat dirumuskan sebagai binaan-binaan yang terdiri dari unsur yang saling berhubungan dan berkaitan antara satu sama lain dan amat kompleks. Unsur-unsur yang membina struktur ini terdiri dari plot, watak, latar dan sudut pandangan.

3.3.1 Plot cerita

Perkembangan cerita dalam sesebuah novel ditentukan oleh pemikiran dan tindakan watak-watak yang berhubung dengan rangkaian peristiwa. Peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam seluruh cerita itu mempunyai sebab-akibat mengapa dan bagaimana akhirnya, yang menentukan seluruh perjalanan isi cerita itu dapat diketahui menurut urutan masanya yang tertentu. Jalan cerita, rangkaian peristiwa yang bersebab-akibat dan mengikuti urutan masa itu yang dinamakan plot.¹

¹ S. Othman Kelantan, Kecenderungan Baru Dalam Novel Melayu : Satu Kajian Struktur (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), hlm. 26.

Plot cerita merupakan rentetan peristiwa yang berdasarkan hukuman sebab-akibat. Plot tidak hanya mengungkapkan apa yang terjadi tetapi yang lebih penting ia menjelaskan mengapa hal tersebut terjadi. Dengan rentetan ini maka jadilah cerita.

Menurut Aristotle, plot itu lebih penting daripada watak, oleh sebab plot itu menjadi jiwa dan menyatukan seluruh cerita sebagai mana katanya;

"Plot is 'soul of tragedy', thus making it more important than character. Plot is 'unified stories' or 'the whole structure of incident'.¹

Boulton pula berpendapat bahawa plot itu penting kepada sesebuah novel seperti pentingnya rangka kepada satu tubuh. Sebab plot itulah yang menyatukan semua unsur struktur yang lain. Seterusnya Boulton menjelaskan bahawa plot adalah kumpulan peristiwa yang berlaku mengikut urutan masa iaitu ada permulaan, ada pertengahan dan pengakhiran. Semuanya ini berlaku di dalam masa atau waktu yang tertentu dan ada sebab-akibatnya.²

Sebagai rumusannya, plot ialah jalan cerita yang merangkaikan peristiwa dan kejadian, pemikiran watak baik dari segi kecerdasan dan ingatan, hubungan sebab-akibat, berlaku dalam urutan masa yang tertentu dan mempunyai jalinan yang dimulai dengan satu permulaan melalui pertengahan serta berakhir dengan satu kesudahan.³

¹ Sylvan Barnet, Morton Berman dan Willian Burto, A Dictionary Terms (Boston : Little, Brown and Company, 1960), hlm. 67.

² Majorie Boulton, The Anatomy of the Novel (London and Boston : Routledge & Kegan Paul, 1975), hlm. 45.

³ S. Othman Kelantan, 1987, hlm. 28.

Oleh sebab plot adalah jalinan dari beberapa unsur tadi, menyebabkan ia muncul dalam beberapa peringkat. Ia tidak cukup dengan tiga tahap itu saja; sebab tiga tahap itu dapat dipecahkan kepada beberapa tahap yang lebih kecil dan lebih jelas lagi.¹

Menurut M. Saleh Saad, plot mempunyai enam tahap, itu proses yang bermula dari satu permulaan kemudian meningkat kepada pertikaian; meningkat lagi kepada perumitan lalu puncak; kemudian mengendur kepada peleraian lalu tamat pada satu pengakhiran.² Pada permulaan, watak-watak ditampilkan, akibat perhubungan antara watak-watak itu munculnya kejadian dan peristiwa lalu terjadi pertikaian. Pertikaian itu amat luas bidangnya; mungkin batin, dengan alam, dengan masyarakat dan juga nasib. Dalam peringkat ini muncul ketegangan-ketegangan yang diakibatkan oleh pertikaian yang ditingkatkan kepada perumitan untuk tiba kepada titik puncak. Ketegangan-ketegangan itu selalunya ditimbulkan oleh pengarang di dalam tahap pertikaian dan perumitan yang diselesaikan pada satu titik puncak. Pada puncak ini, tidak selalunya diikuti oleh peleraian, tetapi mungkin merupakan juga pengakhiran kepada sesebuah novel. Demikian juga pengakhiran cerita itu tidak semestinya penyelesaian; ia mungkin hanya menimbulkan persoalan saja.³

3.3.1.1 Plot Cerita Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kandung

Plot cerita di dalam KTMDKB ini tersusun secara kronologi. Struktur jalinan plotnya mengikut susunan peristiwa yang dimulakan dengan permulaan, diikuti dengan pertengahan dan disudahi dengan pengakhiran cerita.

¹ Ibid, hlm. 28.

² Lukman Ali (peny.), 1967, hlm. 120.

³ Ibid, hlm. 120-121.

Susunan cerita KTMDBK bermula dengan situasi di mana pengarang telah memperkenalkan tokoh-tokoh cerita. Bunda Kandung merupakan pemerintah di Pagar Ruyung telah bermimpi bertemu dengan seorang tua yang menyuruhnya memakan isi kelapa nyiur gading dan meminum airnya bersama-sama dengan Kembang Bendahari. Walaupun nyiur gading itu sukar untuk diperolehi kerana ia dijaga oleh seekor ular tedung serta bermacam serangga berbisa namun dengan berkat keramat Bunda Kandung, kelapa nyiur gading itu berjaya diperolehi. Setelah memakan isi kelapa dan meminum airnya, Bunda Kandung dan Kembang Bendahari mendapati mereka telah mengandung. Genap bulan dan harinya, kedua-duanya telah melahirkan seorang anak lelaki. Anak Bunda Kandung dinamakan Sultan Rumandung dengan memakai gelaran Dang Tuanku manakala anak Kembang Bendahari dinamakan Tjindur Mata.

Setelah kedua-duanya besar, Sultan Rumandung (Dang Tuanku) telah dilantik sebagai ketua negeri di Pagar Ruyung. Bagaimanapun perjalanan pemerintahan dan pentadbiran di Pagar Ruyung dikendalikan oleh Bunda Kandung. Setelah perlantikan Dang Tuanku sebagai pemerintahan, Bunda Kandung telah menerangkan kepada Dang Tuanku dan Tjindur Mata akan adat yang diamalkan di dalam pemerintahan serta sifat-sifat yang perlu ada pada seorang raja, penghulu dan hulubalang. Hairaki pemerintahan di Minangkabau diketuai oleh raja yang bergelar Raja Dua Sila yang terdiri daripada Raja Buo, Raja Sumpurkudus dan Raja Pagar Ruyung sendiri iaitu Dang Tuanku sebagai ketua pemerintah. Empat orang menteri yang bergelar Besar Empat Balai bertanggungjawab membuat dan memegang sesuatu keputusan. Besar Empat Balai terdiri daripada Datuk Bendahara di Sungai Tarab, Makhdum di Sumanik, Tuan Kadhi di Padang Ganting dan Datuk Indomo di Saruaso.

Plot cerita kemudiannya berkembang dengan mengisahkan pemergian Dang Tuanku dan Tjindur Mata ke Sungai Tarab kerana Datuk Bendahara sedang mendirikan gelanggang untuk mencari jodoh anaknya yang bernama Puteri Lenggo Geni. Selain daripada itu, diharapkan agar Dang Tuanku dapat berkenal-kenalan dengan segala hamba

rakyat. Dang Tuanku telah diarahkan oleh Bunda Kandung meminta keizinan daripada Datuk Bendahara agar Lenggo Geni ditunangkan dengan Tjindur Mata.

Dalam jalinan cerita seterusnya, telah mula berlaku ketegangan-ketegangan dalam struktur ceritanya. Ketika pertandingan sabung ayam sedang berjalan, Tjindur Mata mengambil kesempatan ini dengan pergi berjalan-jalan di pasar. Beliau kemudian bertemu dengan dua orang asing yang baru tiba dari Sungai Ngiang. Daripada mereka, Tjindur Mata mengetahui bahawa adik kandung Bunda Kandung yang bernama Raja Muda akan mengahwinkan anaknya yang bernama Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya. Raja Imbang Jaya juga telah mengupah penyamun-penyamun agar membunuh sesiapa sahaja yang melalui Bukit Tambuntulang. Fitnah turut tersebar di Sungai Ngiang yang mengatakan tunangan Puteri Bongsu yang bernama Sultan Rumandung (Dang Tuanku) telah menghidap penyakit tokak dan tekong serta kini telah dihalau keluar dari istana di Pagar Ruyung. Tjindur Mata yang mendengar perkhabaran ini merasa amat marah lalu bergegas mengajak Dang Tuanku pulang semula ke Pagar Ruyung dan menyampaikan berita tersebut kepada Bunda Kandung.

Hasil dari ketegangan tersebut memperlihatkan gerakan-gerakan dalaman aksi watak-wataknya. Ini jelas terlihat pada watak Bunda Kandung. Bunda Kandung merasa amat marah apabila mengetahui adiknya telah bertindak memutuskan pertunangan di antara Puteri Bongsu dengan Dang Tuanku lalu memerintahkan agar Sungai Ngiang diserang sebagai pengajaran kepada Raja Muda. Bagaimanapun, hasrat Bunda Kandung ini tidak dipersetujui oleh Dang Tuanku dan Tjindur Mata kerana Bunda Kandung dan Raja Muda adalah adik beradik. Tindakan Bunda Kandung itu boleh mencetuskan perang saudara di antara kedua buah negeri. Rundingan kemudian diadakan oleh Besar Empat Balai untuk mendapatkan jalan penyelesaian yang paling baik. Besar Empat Balai mencadangkan agar Bunda Kandung menghantar kerbau si Binuang serta "sirih agak sehelai, pinang agak sekacip dan beras agak segenggam" sebagai tanda putih hati dan merestui perkahwinan di antara Puteri Bongsu dan Raja Imbang Jaya. Tjindur Mata

dihantar sebagai utusan daripada Bunda Kandung ke Sungai Ngiang. Sebelum Tjindur Mata memulakan perjalanannya, Dang Tuanku meminta Tjindur Mata menyampaikan pesanannya kepada Puteri Bongsu agar datang ke Pagar Ruyung untuk menjadi pengganti Bunda Kandung yang telah tua.

Plot kemudian diteruskan dengan pengembaraan Tjindur Mata menuju ke Sungai Ngiang. Tjindur Mata terpaksa melalui perjalanan yang amat jauh dan sukar serta terpaksa pula melalui Bukit Tambuntulang yang didiami oleh penyamun-penyamun upahan Raja Imbang Jaya. Dengan kegagahan dan keberaniannya, Tjindur Mata akhirnya berjaya menewaskan penyamun-penyamun upahan tersebut. Mereka juga bersetuju untuk meninggalkan pekerjaan mereka yang hina dan mereka bersedia untuk berkhidmat dengan Tjindur Mata serta tunduk kepada daulat Bunda Kandung.

Tjindur Mata akhirnya tiba di Sungai Ngiang yang sedang sibuk membuat persiapan perkahwinan Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya. Tjindur Mata kemudian menyampaikan salam Bunda Kandung kepada Raja Muda serta menyerahkan cendermata yang dibawanya sebagai tanda putih hati daripada Bunda Kandung. Tjindur Mata telah membuat satu helah untuk menyampaikan pesanan Dang Tuanku kepada Puteri Bongsu. Ketika diarahkan untuk menyediakan air bagi perkahwinan Puteri Bongsu itu, Tjindur Mata membuat helah dengan mandi di dalam sebuah kolam tanpa mahu pulang. Perbuatan Tjindur Mata itu merungsingkan Raja Muda dan Puteri Lindungan Bulan. Mereka kemudian mengarahkan agar Puteri Bongsu dipanggil untuk memujuk Tjindur Mata supaya pulang ke istana. Ketika Puteri Bongsu memujuk inilah Tjindur Mata menerangkan tujuan sebenar kedatangannya ke Sungai Ngiang serta pesanan Dang Tuanku agar membawa Puteri Bongsu pulang ke Pagar Ruyung. Tjindur Mata merancang untuk pulang ke Pagar Ruyung pada malam hari pernikahan Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya. Jika Puteri Bongsu enggan, Dang Tuanku akan datang menyerang Sungai Ngiang. Tjindur Mata dan Puteri Bongsu akhirnya berjaya

melarikan diri di tengah-tengah keributan orang ramai menghadapi ribut taufan dan banjir besar yang melanda Sungai Ngiang hasil dari muslihat Tjindur Mata.

Peristiwa Tjindur Mata membawa Puteri Bongsu ke Pagar Ruyung telah menimbulkan pelbagai konflik kemudiannya. Ekoran daripada tindakan Tjindur Mata itu, bukan sahaja Bunda Kandung dan Besar Empat Balai menghadapi kesukaran untuk menentukan hukuman ke atasnya malahan tindakan Tjindur Mata itu juga telah mencetuskan permusuhan di antara Raja Imbang Jaya dengan Pagar Ruyung sehingga akhirnya membawa kepada berlakunya peperangan di antara kedua-dua buah negeri.

Konflik menjadi semakin hebat dan tegang dengan tindakan Tjindur Mata membawa Puteri Bongsu pulang ke Pagar Ruyung di mana tindakan ini telah menimbulkan kemarahan Bunda Kandung. Rundingan demi rundingan kemudian diadakan untuk menentukan hukuman yang sesuai ke atas kesalahan Tjindur Mata. Bagaimanapun satu keputusan yang muktamad masih belum dapat dicapai oleh Besar Empat Balai walaupun masalah ini telah dirujuk kepada Raja Buo dan Raja Sumpurkudus. Dang Tuanku akhirnya memutuskan bahawa Tjindur Mata tidak bersalah kerana dia tidak melarikan Puteri Bongsu malah beliau telah menolong Puteri Bongsu. Sebaliknya Raja Imbang Jaya yang bersalah kerana merebut tunangan orang, menabur fitnah serta mengupah penyamun-penyamun untuk membunuh sesiapa sahaja yang melalui Bukit Tambuntulang.

Plot cerita kemudiannya mula menuju ke puncak dengan adanya peperangan di antara Tjindur Mata dengan Raja Imbang Jaya yang bertindak menuntut malu di atas perbuatan yang dilakukan oleh Tjindur Mata terhadapnya. Raja Imbang Jaya berjaya dibunuh dan kematiannya menimbulkan kemarahan bapanya yang bernama Tiang Bungkok. Dengan ini plot semakin meruncing kerana Tiang Bungkok terkenal dengan kekebalannya yang tidak lut dengan sebarang senjata. Tiang Bungkok hanya boleh dibunuh dengan menggunakan keris bongkok kepunyaannya. Setelah berjaya

memperolehi keris tersebut dengan tipu helah, Tjindur Mata akhirnya berjaya membunuh Tiang Bungkok.

Kematian Raja Imbang Jaya dan kejayaan Tjindur Mata menewaskan Tiang Bungkok yang terkenal dengan kegagahan dan kekebalannya itu merupakan klimaks atau puncak ceritanya. Kejayaan Tjindur Mata ini menandakan bahawa musuh utama Pagar Ruyung telah berjaya dihapuskan dan ini juga bererti bahawa mereka boleh hidup aman dan damai tanpa adanya gangguan dari musuh. Kematian Tiang Bungkok di tangan Tjindur Mata menjadi puncak kepada segala aksi dan konflik juga menjadi puncak kepada segala persoalan yang wujud sebelum ini.

Plot seterusnya menurun apabila Bunda Kandung membuat satu majlis perkahwinan di antara Dang Tuanku dengan Puteri Bongsu dan Tjindur Mata dengan Puteri Lenggo Geni. Pada bahagian akhir cerita, Tjindur Mata telah dilantik sebagai pemerintah di Pagar Ruyung menggantikan Dang Tuanku. Tjindur Mata juga dilantik sebagai pemerintah di Sungai Ngiang menggantikan Tiang Bungkok.

Dari penelitian yang dilakukan dapat dikatakan bahawa plot KTMDBK ini adalah plot lurus. Kecenderungan pengarang mengutarakan persoalan-persoalan cerita dengan plot seumpama ini tidak menghairankan kerana ia sudah biasa ditemui di dalam karya-karya sastera lama yang berbentuk prosa. Plot sedemikian rupa malah difahami oleh masyarakat pembaca.

Penelitian dengan menggunakan plot lurus atau kronologi ini biasanya dimulai dengan susunan peristiwa yang kemudiannya berkembang dan mengarah kepada perumitan. Perumitan ini kemudiannya akan mencapai kepada satu tahap yang dinamakan klimaks atau kemuncak cerita. Pada tahap ini akan muncul ketegangan-ketegangan. Sepanjang tahap awal cerita sehingga kepada tahap klimaks, watak-watak akan mengalami pelbagai konflik dan permasalahan. Bagaimanapun, plot kemudiannya

akan menuju kepada tahap peleraian dan seterusnya kepada pengakhiran. Pada tahap ini segala konflik akan berakhir. Hal ini juga terlihat di dalam KTMDBK dan ia memperlihatkan persamaan dengan plot cerita-cerita Melayu lama lainnya kerana jalinan cerita KTMDBK masih lagi terikat kepada bentuk yang konvensional.

Penyusunan plot secara kronologi ini menyebabkan plot di dalam KTMBDK ini agak longgar. Jalan ceritanya kelihatan mendatar kerana pengarang memainkan peranan yang penting di dalam menggerakkan jalan cerita teks ini walaupun dialog-dialog turut diselangsadikan pada watak-watak. Jalinan di antara plot dengan watak dan latar juga ternyata longgar. Bagaimanapun, urutan plotnya berjaya menimbulkan pelbagai konflik yang akhirnya menghasilkan kejayaan kepada jalan cerita secara keseluruhannya.

3.3.2 Watak dan Perwatakan.

Analisis karya secara struktural merupakan suatu penelitian dalam bentuk kesatuan yang organis. Sebagai mana yang telah dinyatakan pada bahagian awal lagi, di dalam penganalisaan menurut pendekatan struktural unsur-unsur yang diberikan penekanan ialah plot, watak dan perwatakan, latar, sudut pandangan dan gaya bahasa. Setiap unsur ini tidak boleh diabaikan kerana paduan dari unsur-unsur ini akan melahirkan suatu kesatuan yang erat. Jadi, analisis terhadap watak dan perwatakan juga akan diperincikan sebagai mana yang di lakukan terhadap plot karya.

Plot dan watak mempunyai hubungan yang erat kerana struktur plot biasanya digerakkan oleh aksi watak-watak di dalam sesebuah karya. Watak-watak biasanya beraksi dan bereaksi sesuai dengan keperluan yang dipersiapkan dalam plot cerita bagi memperkenalkan diri mereka di samping memainkan peranan masing-masing. Watak

adalah manusia biasa atau haiwan atau apa saja objek tertentu yang dipilih oleh pengarang dan perwatakan adalah sifat watak-watak itu sendiri.¹

Tak dapat dinafikan bahawa watak dan perwatakan memainkan peranan yang besar di dalam pergerakan jalinan cerita. Setiap aksi yang dimainkan oleh watak-watak ini membawa kepada kewujudan pelbagai situasi dan peristiwa.

Menurut S. Othman Kelantan watak adalah unsur yang sangat penting dalam struktur novel, kerana watak itulah yang berperanan dalam semua keadaan. Dari watak inilah terjalinnya semua peristiwa dan munculnya sebab-akibat yang memungkinkan terjadinya plot.² Kepentingan watak di dalam sesebuah novel telah dinyatakan oleh Aristotle sebagai;

"Character is means the personalities of the story".³

Analisis terhadap watak akan memberikan tumpuan kepada kategori watak, cara watak-watak itu dikemukakan serta ciri-ciri perwatakan setiap watak. Ada beberapa pandangan di kalangan sarjana terhadap pembahagian kategori watak. Umpamanya Forster, Wellek dan Warren membahagikan watak kepada dua kategori iaitu watak 'bulat' dan watak 'pipih'. Watak 'bulat' bermakna watak yang dinamik yang menjalani peranan secara kompleks baik dan jahat manakala watak 'pipih' adalah watak yang hanya berperanan sebelah pihak sahaja tanpa menjalani seluruh kehidupan.

Di kalangan watak itu terdapat watak yang memainkan peranan yang amat penting dan ia dikenali sebagai watak utama atau penting. Terdapat juga watak -watak

¹ Othman Puteh, Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Pemikiran dan Struktur (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983), hlm. 175.

² S. Othman Kelantan, 1987, hlm. 23.

³ Sylvan Barnett dll., 1960, hlm. 67.

yang berperanan kurang penting iaitu watak-watak sampingan. Di dalam sesetengah karya, terdapat juga watak yang seolah-olah tidak berperanan langsung melainkan di dalam keadaan-keadaan yang tertentu sahaja. Watak-watak seumpama ini dinamakan sebagai watak sipi.

Peranan watak-watak ini di dalam novel dijelaskan sebagai mempunyai kebolehan, mempunyai hobi, pendidikan, sifat-sifat fizikal dan mental, ada kemahuan dan cita-cita, mempunyai perasaan cinta, benci dan sebagainya. Sifat-sifat watak yang disebutkan tadi dinamakan sebagai perwatakan. Peranan mereka yang menyerupai sifat-sifat manusia realistik itulah yang menentukan mereka sama ada termasuk ke dalam jenis watak 'bulat' atau watak 'pipih'.¹

Keyakinan pembaca terhadap watak-watak ini bergantung kepada cara pengarang menampilkan mereka di dalam novel. Cara pengarang menampilkan watak itu ada berbagai macam. Setengahnya pula menggunakan cara deskriptif dengan melukiskan satu per satu bermula dari sifat, sikap, kemahuan dan tindakan. Setengahnya pula menggunakan cara tidak langsung; iaitu peranan atau sifat dan sikap watak utama itu dilukiskan melalui watak-watak sampingan, yang diperkenalkan sedikit demi sedikit. Watak-watak sampingan atau watak-watak penting berdialog sesama mereka tentang watak utama; dari dialog-dialog itu kehadiran watak utama menjadi semakin jelas. Satu cara lagi ialah dengan secara langsung pengarang menampilkan watak ke tangan pembaca tetapi melalui pemikiran watak itu sendiri.²

Bagaimanapun setengah pengarang merangkumkan kedua-dua teknik tersebut di mana ia merupakan teknik gabungan antara keduanya. Oleh yang demikian, penelitian terhadap watak dan perwatakan di dalam KTMDKB ini akan memberikan tumpuan

¹ S. Othman Kelantan, 1987, hlm. 25.

² Ibid., hlm. 25.

kepada watak-watak yang mendokong cerita ini di samping gambaran perihalan watak yang dilakukan oleh pengarangnya di dalam perjalanan plot cerita ini.

3.3.2.1 Watak dan perwatakan Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang.

Bagi memudahkan penelitian terhadap watak dan perwatakan di dalam KTMDBK, penulis membahagikan watak-watak menurut kategori iaitu:

(a) Watak Utama

(1) Tjindur Mata

Di dalam KTMDBK, Tjindur Mata merupakan watak utama yang menggerakkan perjalanan cerita. Watak inilah yang menjadi pendokong utama isi cerita. Tjindur Mata dikategori sebagai watak utama atau penting kerana persoalan-persoalan dan konflik yang dihadapi oleh Tjindur Mata kemudiannya menjadi penggerak (catalyst) kepada jalan cerita KTMDBK ini.

Tjindur Mata adalah anak kepada Kembang Bendahari dan Selamat Panjang Gombak yang menjadi pembantu kepada pemerintah di Pagar Ruyung iaitu Bunda Kandung. Kelahiran Tjindur Mata adalah pada hari dan waktu yang sama dengan kelahiran anak Bunda Kandung yang bernama Sultan Rumandung dan memakai gelaran Dang Tuanku. Bahkan proses kehamilan Dang Tuanku dan Tjindur Mata juga bermula dengan satu sebab yang sama apabila Bunda Kandung dan Kembang Bendahari memakan isi kelapa nyiur gading dan meminum airnya setelah Bunda Kandung memperolehi mimpi. Tjindur Mata dan Dang Tuanku dibesarkan bersama-sama di bawah jagaan dan pengawasan Bunda Kandung yang tidak pernah membeza-bezakan kasih sayang di antara keduanya.

Pengarang tidak memberikan gambaran fizikal dengan jelas terhadap Tjindur Mata. Pengarang hanya mengatakan bahawa Tjindur Mata merupakan orang keramat dan bertuah sama seperti Dang Tuanku iaitu;

".... orang keramat keduanya, orang bertuah hidup-hidup, kalau ditentang mata buta, kalau disebut lidah kelu."

(KTMDBK, hlm. 13)

Biarpun Tjindur Mata bukan seorang pemerintah di Pagar Ruyung namun peranan yang dimainkan oleh Tjindur Mata lebih menonjol dari peranan Dang Tuanku sendiri yang menjadi raja Pagar Ruyung.

Bersesuaian dengan jodol cerita ini, Tjindur Mata bertindak sebagai hero cerita. Peranan yang dimainkan oleh Tjindur Mata lebih ketara. Tjindur Mata telah dilantik sebagai utusan dari Bunda Kandung ke Sungai Ngiang selain bertindak sebagai panglima perang menentang Raja Imbang Jaya dan Tiang Bungkok. Pengarang telah memberikan gambaran bahawa Tjindur Mata mempunyai kekuatan dan kegagahan yang luar biasa. Tjindur Mata juga adalah seorang pemuda yang cerdik, bijaksana dan bersedia berkorban melakukan apa sahaja untuk Dang Tuanku.

Ketika kata sepakat dicapai untuk menghantar kerbau si Binuang berserta beberapa cenderamata ke Sungai Ngiang sebagai tanda putih hati Bunda Kandung kepada Raja Muda yang akan mengahwinkan Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya, Tjindur Mata telah dilantik sebagai utusan yang akan membawa peralatan ini. Perlantikan Tjindur Mata ini di sebabkan oleh kegagahannya untuk menghadapi rintangan di dalam perjalanan.

Sebelum pemergiannya ke Sungai Ngiang, Bunda Kandung telah mengarahkan Tjindur Mata membawa pulang kerbau si Binuang dari Rimba Bigau setelah Berkat, Barulih dan Tambahi gagal membawa kerbau tersebut pulang. Si Binuang adalah seekor

kerbau liar serta dikatakan "tebuan bersarang di lehernya, lebah bersarang di perutnya". Tiada seorangpun yang berjaya menangkap kerbau itu untuk dibawa pulang. Bagaimanapun dengan kebijaksanaannya, Tjindur Mata juga membawa si Binuang pulang tanpa menghadapi sebarang masalah. Selain daripada itu, kebijaksanaan Tjindur Mata juga terlihat ketika beliau membuat helah untuk menyampaikan pesanan Dang Tuanku kepada Puteri Bongsu. Tjindur Mata telah bertindak mandi di dalam sebuah kolam tanpa mahu pulang sehingga terpaksa dipanggil Puteri Bongsu untuk memujuknya. Ketika inilah Tjindur Mata telah menjelaskan segala pesanan Dang Tuanku kepada Puteri Bongsu supaya menurutnya pulang ke Pagar Ruyung. Dengan cara begini rahsia tersebut tidak diketahui oleh orang lain. Kesanggupan Tjindur Mata menyampaikan pesanan Dang Tuanku kepada Puteri Bongsu juga memperlihatkan Tjindur Mata amat berpegang teguh kepada janjinya dengan Dang Tuanku untuk membawa Puteri Bongsu pulang bersamanya ke Pagar Ruyung.

Kegagahan Tjindur Mata terlihat ketika beliau terpaksa berhadapan dengan penyamun-penyamun upahan Raja Imbang Jaya di Bukit Tambun Tulang. Tiada seorang pun yang terselamat ketika melintasi Bukit Tambun Tulang kerana ia menjadi tempat persembunyian penyamun-penyamun tersebut. Bagaimanapun, dengan berbekalkan semangat dan doa dari Bunda Kandung, Tjindur Mata akhirnya berjaya menewaskan penyamun-penyamun yang jumlahnya terlalu ramai sehingga mereka tunduk dan patuh kepadanya serta pemerintahan daulat Bunda Kandung dan Dang Tuanku.

Gambaran kebijaksanaan Tjindur Mata kemudiannya terlihat ketika beliau berjaya menewaskan Tiang Bungkok yang terkenal dengan kekebalannya. Tiang Bungkok amat sukar untuk dikalahkan. Dengan itu Tjindur Mata terpaksa membuat tipu helah untuk mengalahkannya. Ketika berlakunya peperangan di antara Pagar Ruyung dengan Sungai Ngiang, Tjindur Mata telah menyerah diri kepada Tiang Bungkok dan bersedia untuk dijadikan sebagai satu helah untuk mendapatkan rahsia kekebalan Tiang

Bungkuk. Akhirnya Tjindur Mata berjaya memperolehi rahsia itu di mana Tiang Bungkuk hanya boleh dibunuh dengan menggunakan keris bongkok kepunyaannya yang tersimpan di tiang bongkok istananya.

Melalui gambaran secara tidak langsung, dapat diketahui bahawa Tjindur Mata rela melakukan apa sahaja yang diperintahkan oleh Dang Tuanku walaupun beliau terpaksa berhadapan dengan suatu keadaan yang amat genting. Ini dapat dilihat menerusi kesanggupan Tjindur Mata membawa Puteri Bongsu pulang ke Pagar Ruyung semata-mata untuk memenuhi pesanan dan permintaan Dang Tuanku meskipun pada dasarnya beliau mengetahui bahawa pekerjaan yang dilakukannya itu adalah suatu pekerjaan yang salah. Akibat dari perbuatan Tjindur Mata itu bukan sahaja telah menimbulkan masalah kepada diri Tjindur Mata sendiri malahan ianya turut melibatkan tampok pemerintahan Minangkabau iaitu Bunda Kandung serta Besar Empat Balai. Bunda Kandung dan Besar Empat Balai mengatakan bahawa perbuatan Tjindur Mata membawa Puteri Bongsu ke Pagar Ruyung adalah satu tindakan yang salah.

Tindakan Tjindur Mata itu juga telah menimbulkan rasa permusuhan di antara kedua buah negeri iaitu Pagar Ruyung dan Sungai Ngiang di mana Raja Imbang Jaya telah menyerang Pagar Ruyung sebagai menuntut malu di atas perbuatan Tjindur Mata itu. Bunda Kandung dan Besar Empat Balai terpaksa mengadakan satu siri rundingan untuk menentukan hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan Tjindur Mata itu. Malangnya mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan keputusan yang seadil-adilnya. Walaupun terpaksa berhadapan dengan suatu keadaan yang genting, Tjindur Mata tetap tidak membocorkan rahsia sebenar beliau membawa Puteri Bongsu pulang ke Pagar Ruyung. Segala rahsia yang dipadu bersama Dang Tuanku tetap tersimpan kukuh di dalam dadanya dan sebaliknya beliau rela untuk menerima apa sahaja hukuman yang bakal dijatuhkan ke atasnya. Di sinilah dapat kita lihat akan pengorbanan Tjindur Mata terhadap Dang Tuanku sebagai pemerintah yang disanjungnya.

Gambaran perwatakan Tjindur Mata yang diberikan oleh pengarang ternyata agak keterlaluan. Sebagai manusia biasa, watak Tjindur Mata telah diberikan dengan kebolehan-kebolehan yang luar biasa sehingga beliau menjadi watak yang supernatural iaitu jauh menyimpang dari kebolehan dan kebiasaan yang dipunyai oleh manusia biasa. Ini bersesuaian dengan peranan Tjindur Mata sebagai hero di dalam teks ini. Dengan demikian, beliau mempunyai banyak keistimewaan yang tidak dipunyai oleh watak manusia lainnya. Dengan ini watak Tjindur Mata dapat digolongkan sebagai watak 'pipih' iaitu watak yang hanya berperanan sebelah pihak sahaja di dalam kehidupan dan tidak menjalani jatuh bangun serta susah senang hidup sebagai manusia normal. Gambaran mengenai watak beliau seperti yang digambarkan oleh pengarang amat jelas membuktikan bahawa Tjindur Mata berada di dalam kedudukan ini. Antaranya mampu menundukkan kerbau si Binuang yang terkenal dengan keliarannya, mampu menewaskan beribu-ribu orang penyamun dan mempunyai kebolehan melakukan segala macam kejadian ganjil. Biarpun demikian, perbuatannya membawa Puteri Bongsu pulang ke Pagar Ruyung telah dipersoalkan dan seterusnya menimbulkan konflik di dalam pemerintahan Bunda Kandung di Pagar Ruyung.

(2) Bunda Kandung

Bunda Kandung adalah satu-satunya watak wanita utama di dalam teks ini malah Bunda Kandung dapat juga diangkat menjadi watak utama yang menjadi penggerak kepada jalan cerita bersama-sama dengan watak Tjindur Mata.

Bunda Kandung adalah seorang pemerintah wanita yang mentadbir negeri Pagar Ruyung di Minangkabau. Walaupun pada dasarnya, Dang Tuanku yang menjadi pemerintah di Pagar Ruyung namun segala kegiatan pentadbiran dan pemerintahan dipegang serta dikendalikan oleh Bunda Kandung sebagaimana menurut adat masyarakat Minangkabau.

Pengarang tidak memberikan gambaran fizikal watak Bunda Kandung ini dengan jelas. Bagaimanapun dikatakan bahawa rupa Puteri Bongsu adalah mirip rupa Bunda Kandung seperti yang disembahkan oleh seorang menteri tua iaitu;

"Lorong kepada Puteri Bongsu, jaranglah gadis secantik itu. Tersalin rupa Bunda Kandung, Bentuk rupa daun sirih, rupa putih bak nona china, badan cantik tinggi lampai, mata sebagai bintang timur, penglihatan seraut jatuh, pipi berisi pauh dilayang, gigi sebagai delima merkah, bibir putih limau seulas, hidung mancung bak seludang, rambut hitam sampai ke betis, jari halus duri landak, tangan serupa lilin dituang, dagu seperti awan tergantung... tersalin rupa Bunda Kandung, sedikit tidak yang berubah."

(KTMDBK, hlm. 87)

Jadi melalui gambaran persamaan bentuk fizikal di antara Bunda Kandung dengan Puteri Bongsu itu ternyata Bunda Kandung adalah seorang wanita yang jelita yang tiada tandingannya. Malangnya, pengarang tidak menjelaskan siapakah suami kepada Bunda Kandung yang menjadi bapa kepada Dang Tuanku.

Gambaran yang diberikan oleh pengarang juga menjelaskan bahawa Bunda Kandung adalah seorang wanita yang mempunyai kebolehan luar biasa serta mempunyai keramat. Di peringkat awal cerita lagi telah dinyatakan bagaimana Bunda Kandung telah mengandung hanya dengan memakan isi kelapa nyiur gading dan meminum airnya. Dengan ini dapat dikatakan bahawa proses kehamilan Bunda Kandung agak mistik.

Keluarbiasaan yang ada pada Bunda Kandung menyebabkan ia sering menjadi sumber semangat dan kekuatan kepada Tjindur Mata ketika beliau menghadapi apa jua kesulitan dan kesukaran. Ini terbukti ketika Tjindur Mata merasa takut untuk menghadapi penyamun-penyamun di Bukit Tambun Tulang, beliau telah mengamalkan doa-doa yang diperolehi daripada Bunda Kandung. Setelah mengamalkan doa-doa ini, hilang segala ketakutan Tjindur Mata malah ianya telah memberikan pula semangat kepadanya untuk menentang penyamun-penyamun berkenaan meskipun bilangan mereka

jauh lebih ramai. Ini membuktikan Bunda Kandung amat berpengaruh dalam segala tindak-tanduk dan kehidupan Tjindur Mata dan di kalangan hamba rakyatnya.

Bunda Kandung sebagai seorang pemerintah mempunyai pengetahuan yang luas mengenai hal ehwal pentadbiran negeri serta adat-istiadat negeri. Bunda Kandung juga digambarkan sebagai seorang pemerintah yang amat berpegang teguh kepada adat-istiadat masyarakat Minangkabau. Ini dapat dilihat menerusi nasihat dan tunjuk ajar secara panjang lebar yang diberikan oleh Bunda Kandung kepada Dang Tuanku dan Tjindur Mata sebelum mereka bertolak ke Sungai Tarab. Penerangan yang diberikan secara terperinci mengenai salasilah pemerintahan di Minangkabau serta ciri-ciri yang perlu ada pada seorang raja, penghulu dan hulubalang; memperlihatkan pengetahuan Bunda Kandung yang amat mendalam mengenai perkara-perkara berkenaan.

Bunda Kandung juga seorang wanita yang amat berpengaruh serta mempunyai jajahan takluk yang amat luas. Bunda Kandung terkenal sebagai seorang pemerintah yang adil serta mengamalkan konsep demokrasi di dalam pemerintahannya. Kombinasi di antara agama dan adat telah berjaya menghasilkan satu sistem pentadbiran yang harmoni. Bunda Kandung sentiasa mengadakan rundingan dengan para menterinya yang bergelar Besar Empat Balai iaitu terdiri daripada Datuk Bendahara, Makhdum, Tuan Kadhi dan Datuk Indomo. Segala permasalahan yang timbul akan dirundingkan sehingga satu persetujuan dicapai. Ini terbukti melalui rundingan-rundingan yang diadakan oleh Bunda Kandung dan Besar Empat Balai ketika mereka berusaha untuk mendapatkan satu hukuman yang sesuai ke atas kesalahan Tjindur Mata membawa Puteri Bongsu pulang ke Pagar Ruyung. Peristiwa ini menjelaskan bahawa walaupun Bunda Kandung mempunyai kuasa mutlak untuk memberikan keputusan ke atas Tjindur Mata namun beliau tetap tidak mengenyepikan Besar Empat Balai. Dengan ini keadilan dan demokrasi dapat dicapai.

Bunda Kandung sebagai seorang manusia biasa, juga mempunyai sifat pemaarah. Ini dapat dilihat apabila beliau membuat keputusan untuk menyerang Sungai Ngiang setelah diketahuinya Raja Muda akan mengahwinkan Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya. Sifat pemaarah Bunda Kandung ini juga terlihat menerusi kemarahannya terhadap Dang Tuanku dan Tjindur Mata yang enggan mengikutnya pergi ke Padang Ganting.

Dengan ini dapat dikatakan bahawa Bunda Kandung adalah seorang pemerintah wanita yang mempunyai kewibawaan yang tinggi di dalam melaksanakan pentadbiran negeri. Walaupun beliau mengamalkan konsep demokrasi di dalam pemerintahannya namun beliau tetap tegas untuk memastikan Pagar Ruyung sentiasa berada di dalam keadaan yang aman dan harmoni.

(3) Dang Tuanku

Dang Tuanku atau nama sebenarnya Sultan Rumandung adalah anak kepada Bunda Kandung. Beliau merupakan pemerintah sebenar di negeri Pagar Ruyung. Namun begitu segala urusan pemerintahan dan pentadbiran negeri dikendalikan oleh Bunda Kandung sebagai ketua pemerintah.

Gambaran fizikal Dang Tuanku tidak dijelaskan oleh pengarang teks ini. Bagaimanapun, sewaktu kecilnya Dang Tuanku dikatakan telah memperlihatkan beberapa keluarbiasaan. Dang Tuanku yang dilahirkan bersama-sama dengan waktu kelahiran Tjindur Mata dikatakan sebagai;

"... lahirlah anak Bunda Kandung, begitu jua Kembang Bendahari. Sama ia lahir semalam itu. Dilihat anak laki-laki, laki-laki keduanya. Tiba di lantai, lantai tebuk. Tiba di tanah, tanah merekah. Anak berbaju keduanya. Anak bertuah jua keramat. Tidak dapat ditentang nyata. Bak mata memandang matahari... orang keramat keduanya, orang bertuah hidup-hidup. Kalau ditentang mata buta, kalau disebut lidah kelu, kalau dikenang hati retak. Rupa cantik keduanya..."

(KTMDBK, hlm. 13)

Gambaran yang diberikan oleh pengarang seperti di atas memperlihatkan bahawa Dang Tuanku mempunyai kelebihan yang tersendiri.

Dang Tuanku ditunangkan dengan sepupunya yang bernama Puteri Bongsu iaitu anak kepada bapa saudaranya Raja Muda. Mereka telah ditunangkan sejak dari kecil lagi. Bagaimanapun, pertunangan ini kemudiannya dihentikan. Tindakan ini diambil oleh Raja Muda setelah mendengar fitnah yang dibuat oleh Raja Imbang Jaya dengan mengatakan bahawa Dang Tuanku telah dihalau keluar dari negeri Pagar Ruyung kerana menghidap penyakit tokak dan tekong. Puteri Bongsu ingin dijodohkan pula dengan Raja Imbang Jaya. Bagaimanapun, Dang Tuanku dan Puteri Bongsu akhirnya berkahwin hasil dari usaha dan pengorbanan yang dilakukan oleh Tjindur Mata iaitu dengan membawa Puteri Bongsu lari dari Sungai Ngiang pada malam hari pernikahannya dengan Raja Imbang Jaya.

Peranan Dang Tuanku sebagai pemerintah tidak begitu ketara kerana hal ehwal pentadbiran negeri terletak di tangan Bunda Kandung manakala hal ehwal peperangan dikendalikan oleh Tjindur Mata. Peranan Dang Tuanku yang paling ketara hanya terlihat ketika beliau memberikan pendapatnya ke atas masalah yang dihadapi oleh Bunda Kandung dan Besar Empat Balai untuk menentukan hukuman yang sesuai dengan kesalahan yang dilakukan oleh Tjindur Mata. Pendapat Dang Tuanku ini akhirnya dipersetujui oleh semua pihak dan merasakan ianya adalah satu keputusan yang adil. Menurut kata Dang Tuanku;

"... Imbang Jaya patut dihukum. Ia membuat fitnah mengatakan hamba menghidap tokak dan telah berpondok di tepi air. Kedua, menggaji orang penyamun di Bukit Tambuntulang. Banyak orang habis mati. Ketiga merebut tunangan orang. Sebab begitu kata hamba, menurut berita hamba dengar si Upik Puteri Bongsu sudah bertunangan masa dahulu. Kini direbut Imbang Jaya... hutang emas dibayar emas, hutang nyawa dibayar dengan nyawa, hutang malu dibayar dengan malu. Terang nyata Tjindur Mata, ia menolong Puteri Bongsu, kini dituduh rebut rampas, dituduh menggonggong melarikan."

Pendapat dan saranan Dang Tuanku terhadap perbuatan Tjindur Mata itu memperlihatkan beliau sebagai seorang yang bijaksana dan adil kerana ternyata kesalahan adalah di pihak Imbang Jaya. Selain daripada itu Dang Tuanku juga banyak memberikan nasihat kepada Tjindur Mata. Umpamanya Dang Tuanku telah menasihatkan Tjindur Mata agar tidak pulang selagi tujuan dan hasratnya belum tercapai kerana sebagai seorang anak lelaki ia hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh sehingga apa yang dikehendaki terlaksana. Ini menunjukkan ketegasan prinsip Dang Tuanku terhadap sesuatu perkara dan beliau akan berusaha sedaya upaya untuk memperolehi apa yang dikehendaki.

(4) Besar Empat Balai

Besar Empat Balai merupakan gelaran yang diberikan kepada empat orang menteri yang memegang peranan penting di dalam organisasi pemerintahan di Pagar Ruyung. Besar Empat Balai terdiri daripada Datuk Bendahara di Sungai Tarab, Makhdum di Sumanik, Tuan Kadhi di Padang Ganting dan Datuk Indomo di Saruaso.

Datuk Bendahara adalah orang yang bertanggungjawab ke atas adat-adat di dalam negeri. Ini jelas dapat dilihat dari petikan di bawah;

"Lorong kepada Datuk Bendahara, itulah orang dituakan, Tuan Titah di Sungai Tarab. Jika ada kusut tidak selesai, jika ada keruh akan menjernihkan, lawan muafakat Besar-Besar..."

(KTMDBK, hlm. 19)

Tuan Kadhi pula bertanggungjawab ke atas hukum-hukum syara' dan beliau diibaratkan sebagai;

"suluh bendang Kota Piliang, tahu diadil hukum syara'".

(KTMDBK, hlm. 19)

Makhdum di Sumanik merupakan orang yang bertanggungjawab ke atas keselamatan negeri manakala Indomo pula bertanggungjawab ke atas penbendaharaan negeri.

Besar Empat Balai memainkan peranan yang penting di dalam pemerintahan Pagar Ruyung bersama-sama dengan Bunda Kandung. Pendapat-pendapat Besar Empat Balai amat diperlukan untuk memastikan perjalanan pentadbiran negeri berjalan dengan lancar dan tersusun. Besar Empat Balai akan mengadakan satu keputusan yang adil dan dipersetujui oleh semua pihak. Malah dapat dikatakan bahawa Bunda Kandung amat menghormati setiap pandangan dan pendapat yang dikemukakan oleh Besar Empat Balai.

Selain dari mempunyai peranan di dalam pentadbiran di Pagar Ruyung, Besar Empat Balai juga menjadi pemerintahan di negeri masing-masing iaitu Bendahara di Sungai Tarab, Makhdum di Sumanik, Tuan Kadhi di Padang Ganting dan Indomo di Saruaso.

(5) Raja Imbang Jaya

Raja Imbang Jaya dapat dianggap sebagai watak antagonis. Ia mempunyai sifat negatif dalam tindak-tanduknya. Raja Imbang Jaya adalah anak kepada Tiang Bungkok yang menjadi pemerintah di Sungai Ngiang. Pengarang memberikan gambaran keterlaluan terhadap watak ini:

"... ialah Raja Imbang Jaya, badan gemuk tinggi besar, leher serupa leher babi, mata kecil, kepala besar."

(KTMDBK, hlm. 61)

"Lorong Raja Imbang Jaya umur lebih empat puluh, berbini setahun sekali."

(KTMDBK, h. 61)

Dari gambaran yang diberikan oleh pengarang seperti di atas ternyata Raja Imbang Jaya adalah seorang lelaki yang hodoh serta mempunyai tabiat yang buruk. Selain dari mempunyai rupa yang hodoh, Raja Imbang Jaya juga mempunyai sifat-sifat yang tidak elok. Beliau telah membuat fitnah ke atas Dang Tuanku semata-mata untuk mengahwini Puteri Bongsu yang menjadi tunangan kepada Dang Tuanku sejak kecil. Raja Imbang Jaya mengatakan bahawa Dang Tuanku telah menghidap penyakit tokak dan telah dihalau keluar dari negeri Pagar Ruyung. Selain daripada itu, Raja Imbang Jaya juga telah mengupah penyamun-penyamun di Bukit Tambun Tulang supaya membunuh sesiapa sahaja yang melalui Bukit Tambun Tulang. Beliau berbuat demikian semata-mata untuk memastikan bahawa berita perkahwinannya dengan Puteri Bongsu tidak tersebar ke Pagar Ruyung.

Raja Imbang Jaya juga mempunyai sifat pemaarah. Ini dapat dilihat menerusi tindakannya menyerang Pagar Ruyung kerana mahu membalas malu di atas perbuatan yang dilakukan oleh Tjindur Mata terhadapnya. Bagaimanapun, niat jahat Imbang Jaya itu tidak terlaksana apabila beliau berjaya dibunuh oleh Bendahara, Indomo dan Makhdum di dalam usahanya untuk mencari Puteri Bongsu dan membalas dendam terhadap Tjindur Mata.

(b) Watak Sampingan

(1) Tiang Bungkok.

Tiang Bungkok adalah pemerintah di Sungai Ngiang dan beliau adalah bapa kepada Raja Imbang Jaya. Tidak banyak gambaran perwatakan mengenai watak ini. Bagaimanapun pengarang telah memberikan gambaran mengenai Tiang Bungkok sebagai;

"... badan gemuk rendah pendek, kening terjulur yang ke muka, mata besar mata buaya, perut buncit dada berbulu, bulu putih

bercampur hitam. Banyak uban pada rambut, habis memutih segala rambut, rambut tegak bak bulu landak... Lompatnya sekayu kain, suara nyaring membelah bumi..."

(KTMDBK, hlm. 130)

Tiang Bungkok juga dikatakan mempunyai ilmu kebal. Beliau tidak lut oleh sebarang senjata. Oleh yang demikian, di dalam peperangan di antara tentera-tentera Tiang Bungkok dengan tentera-tentera Tjindur Mata, beliau telah beroleh kemenangan kerana berjaya membunuh ramai tentera Tjindur Mata. Dengan tipu muslihat tertentu, Tjindur Mata menyerah diri kepada Tiang Bungkok serta bersedia untuk dijadikan khadamnya. Tjindur Mata telah menggunakan peluang ini untuk mengetahui rahsia kekebalan Tiang Bungkok. Ketika Tiang Bungkok sedang lena, Tjindur Mata telah menggunakan sirih sakti yang bernama 'sirih tanya-tanya' untuk membongkar rahsia kekuatan Tiang Bungkok. Tiang Bungkok telah menjelaskan bahawa beliau hanya boleh dibunuh dengan menggunakan keris bongkok yang terletak di tiang bongkok istananya. Setelah mengetahui akan rahsia tersebut, Tjindur Mata akhirnya berjaya menewaskan Tiang Bungkok di dalam satu pertarungan yang disaksikan oleh rakyat Sungai Ngiang.

(2) Raja Muda

Raja Muda merupakan adik kandung kepada Bunda Kandung dan mamak (bapa saudara) kepada Dang Tuanku. Raja Muda adalah bapa kepada Puteri Bongsu dan beliau merupakan pemerintah di Sikalawi. Beliau berkahwin dengan Puteri Lindungan Bulan dan dikatakan mempunyai anak-anak yang bernama Puteri Bongsu dan Puteri Reno Bulan.

Raja Muda tidak diberikan gambaran secara jelas. Bagaimanapun dari peristiwa-peristiwa yang berlaku memperlihatkan bahawa Raja Muda adalah seorang yang mudah terpengaruh dengan fitnah yang dibuat oleh Raja Imbang Jaya. Tanpa menyelidiki kebenaran fitnah yang dibuat oleh Imbang Jaya itu, Raja Muda lalu akan

mengahwinkan anaknya Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya. Tindakan Raja Muda ini juga bermakna beliau telah memungkiri janjinya dengan Bunda Kandung untuk mengahwinkan Puteri Bongsu dengan Dang Tuanku. Tindakan Raja Muda ini menimbulkan kemarahan Bunda Kandung dan hampir mencetuskan peperangan saudara di antara kedua-dua buah negeri.

Raja Muda juga digambarkan sebagai seorang raja yang pengecut. Raja Muda yang merasa bersalah memutuskan pertunangan Dang Tuanku dengan Puteri Bongsu merasa takut apabila diketahuinya seorang utusan dari Pagar Ruyung telah datang ke Sikalawi. Beliau membuat keputusan untuk melarikan diri dari Dang Tuanku yang disangkanya telah datang ke Sikalawi. Bagaimanapun setelah diketahui hanya Tjindur Mata yang datang, Raja Muda telah membatalkan hasratnya. Dengan ini ternyata Raja Muda bukanlah seorang raja yang berwibawa malah ketara bahawa beliau lebih mementingkan dirinya sendiri dari kepentingan orang lain.

Lain-lain watak yang hanya disebutkan namanya tanpa diberikan gambaran yang sejelas-jelasnya ialah Berkat, Barulih, Tambahi, Selamat Panjang Gombak, Kembang Bendahari serta Kembang yang empat puluh. Selain daripada itu, Puteri Bongsu, Upik Lenggo Geni, Puteri Ranit Jintan, Puteri Lindungan Bulan dan Puteri Reno Bulan juga tidak diperincikan perwatakannya. Watak-watak ini hanya disebutkan secara sepintas lalu sahaja. Ia mungkin dilakukan sedemikian rupa hanya untuk menghubungkan dengan watak-watak lain ataupun menjadikan suasana penceritaan menjadi lebih berkesan. Watak-watak ini adalah tidak begitu penting. Oleh yang demikian, ianya tidak dijelaskan secara terperinci.

Tidak dinafikan bahawa kelancaran jalinan struktur bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh setiap watak-watak yang mendokong cerita tersebut. Kejayaan para watak mendokong peranan yang diberikan kepadanya akan dapat menghasilkan suatu plot cerita yang menyakinkan. Selain dari dapat bertindak sebagai penghubung di

dalam cerita, tindak-tanduk dan ucapan watak-watak ini juga mengandungi amanat untuk disampaikan kepada khalayak pembaca kerana konflik serta permasalahan yang dihadapi oleh setiap watak inilah yang menerbitkan plot cerita.

3.3.3 Latar

Dalam meneliti struktur karya kreatif, kita tidak boleh mengeneipkan kajian terhadap latar atau setting yang melatari karya tersebut.

Latar merupakan tempat ataupun kawasan tertentu yang dihadapi oleh watak dalam memainkan sesuatu peranan di dalam novel. Menurut S. Othman Kelantan, latar sesebuah cereka ialah suatu yang memperlihatkan adanya hubungan watak persekitaran, perjalanan masa dan waktu, keadaan dan suasana yang mempengaruhi pemikiran watak serta perubahan atau perkembangan fikiran yang mungkin menimbulkan pelbagai bentuk peribadi.¹ Menurut beliau lagi, watak-watak akan bergerak, bertindak, berhubungan dengan kehidupan sepenuhnya pada latar yang telah ditentukan oleh pengarang.²

Latar menurut Shahnnon Ahmad pula adalah;

"... satu latar dasar di mana cerita itu berlaku. Satu peristiwa atau sebuah cerita perlu ada tempat di mana hal itu terjadi." ³

Dari pendapat-pendapat seperti yang dikemukakan di atas ternyata bahawa latar memainkan peranan yang penting di dalam struktur sesebuah karya dan ia menjadi unsur yang melahirkan suasana sesebuah cerita. Penyesuaian di antara pemilihan latar dan

¹ S. Othman Kelantan, Teknik Mengkaji Novel (Kuala Lumpur : Karya Bistari Sdn. Bhd., 1985), hlm. 21.

² Ibid, hlm. 21.

³ Shahnnon Ahmad, Gubahan Novel (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), hlm. 22.

watak harus diberikan pertimbangan kerana pembentukan diri watak adakalanya dapat dihubungkan dengan latar yang membatasinya.

Selain dari latar tempat sebagai mana definasi yang diberikan oleh Shahnnon Ahmad, terdapat beberapa lagi latar. Rene Wellek dan Austin Warren telah membahagikan latar kepada beberapa bahagian iaitu latar persekitaran, latar pemikiran atau "a state of mind" dan latar suasana yang menimbulkan pelbagai bentuk peribadi.¹

Latar persekitaran ialah keadaan yang mengelilingi kehidupan watak yang mungkin mempengaruhi cara berfikir watak. Latar pemikiran pula dimaksudkan dengan asas pemikiran yang selalunya menentukan segala tindak-tanduk watak. Latar suasana pula ialah bagaimana watak-watak akan terbentuk di dalam keadaan-keadaan yang tertentu.²

Selain daripada itu, terdapat juga latar masa atau waktu. Latar masa atau waktu ini juga dianggap penting kerana ia turut menentukan corak pemikiran dan tindakan watak-watak. Masa menentukan kejadian sesuatu peristiwa, mempengaruhi kehidupan manusia di samping melahirkan suasana yang berbeza.

Kesemua latar ini mempunyai peranan yang penting dalam hubungannya dengan keseluruhan pembinaan perwatakan. Eudora Welty berpendapat bahawa latar tempat adalah untuk menunjukkan sifat-sifat realiti masyarakat yang menjadi tempat kepada watak-watak itu kerana dengan menyebut nama tempat di bumi dengan masa yang tertentu itu, pengarang telah menekankan sifat realiti masyarakat dan ini

¹ Rene Wellek dan Austin Warren, Theory of Literature (Harmondsworth : Penguin Books, 1970), hlm. 221.

² S. Othman Kelantan, 1987, hlm. 22.

menunjukkan akan kebenaran kewujudan watak-watak yang dilukiskan itu.¹ Selain daripada itu, latar juga berperanan untuk menimbulkan suasana pemikiran watak-watak; ataupun simbol kepada pembinaan perwatakan. Latar yang menjadi simbol biasanya dilukiskan dengan terperinci untuk menimbulkan suasana-suasana yang tertentu.

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa latar merupakan ruang tempat watak-watak bergerak dan berpijak di mana ia mencakupi persekitaran, suasana, masa dan pemikiran watak. Melalui latar juga pengarang dapat memberikan warna setempat yang amat erat hubungannya dengan pembinaan perwatakan. Di dalam sesebuah karya imaginatif, latar menjadi sebahagian dari unsur struktur dan ia akan dinilai sama ada berperanan atau tidak.

3.3.3.1 Latar di dalam Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kandung

Pembicaraan mengenai latar yang terdapat di dalam KTMDKB akan dilihat menerusi aspek-aspek sebagai mana yang telah dijelaskan. Tidak dapat dinafikan bahawa watak-watak dan latar di dalam KTMDKB telah mewujudkan situasi-situasi di dalam teks ini. Ternyata latar menjadi unsur yang menghidupkan suasana penceritaan teks ini. Penelitian dan tumpuan terhadap latar adalah suatu perkara yang penting kerana ia merupakan unsur yang sama-sama membina struktur sesuatu karya. Untuk memudahkan penelitian, penulis membahagikan latar di dalam KTMDKB kepada beberapa bahagian seperti berikut:

(1) Latar tempat

Pada keseluruhannya, situasi-situasi yang berlaku di dalam KTMDKB adalah berlatarbelakangkan negeri Minangkabau. Pelbagai konflik yang dicetuskan oleh para

¹ Eudora Welty, "Place in Fiction", dalam Shiv Kumar dan Keith McKean (ed.), *Critical Approaches to Fiction* (New York : McGraw-Hill Book Co., 1968), hlm. 249-252.

watak yang melahirkan isi cerita adalah dilatari oleh negeri ini. Walaupun pengarang tidak menjelaskan secara terang akan latar tempat di dalam teks ini namun menerusi beberapa nama yang disebutkan membuktikan bahawa teks ini adalah berlatarbelakangkan negeri Minangkabau. Umpamanya pada permulaan cerita ada dinyatakan;

"Adalah pada masa itu, ia di tanah Tanjung Bunga, dalam istana Pagar Ruyung."

(KTMDBK, hlm. 8)

"Wahai anak kandungku, tekukur tunggal peliharaan Bunda, hujung jantung pengarang hati, kesayangan semata Bunda Kandung, penawar hati di kepala, ubat jerih pelerai demam, sembahan Alam Minangkabau..."

(KTMDBK, hlm, 16)

Berdasarkan petikan-petikan di atas ternyata cerita ini berkisar di Minangkabau. Walaupun demikian, Minangkabau merupakan sebuah negeri yang besar serta mempunyai jajahan takluk yang luas sebagai mana yang dinyatakan oleh Bunda Kandung seperti berikut;

"... yang bernama Minangkabau, sejak riak yang berdebur sampai Sikilang Air Bengis, durian ditakuk raja, taruh ke Siak Inderapura sampai ke Kerinci sandaran agung, taruh Kuala Inderagiri sampai ke Siak ke Asahan, itu pegangan anak kandung... Lauk yang tiga laras. Yang pertama Lauk Tanah Datar, kedua Lauk Lima Puluh, ketiga Lauk Tanah Agam."

(KTMDBK, hlm. 17)

Oleh yang demikian tempat yang menjadi latar di dalam teks ini adalah beberapa negeri daripada keseluruhan negeri Minangkabau. Peristiwa-peristiwa yang berlaku bermula dengan tempat kelahiran Dang Tuanku dan Tjindur Mata serta tempat bersemayamnya Bunda Kandung sebagai pemerintah di Minangkabau iaitu di negeri Pagar Ruyung. Ia kemudian berpindah ke Sungai Tarab iaitu negeri di bawah pemerintahan menteri Bunda Kandung yang bernama Datuk Bendahara. Di sinilah

konflik bermula apabila Tjindur Mata mengetahui bahawa Raja Muda akan mengahwinkan Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya. Pengembaraan Tjindur Mata dari Pagar Ruyung ke Sikalawi untuk menghantar utusan daripada Bunda Kandung kepada Raja Muda melalui pelbagai negeri di mana satu tempat penting yang menjadi latarnya ialah Bukit Tambun Tulang.

Bukit Tambun Tulang merupakan tempat tinggal penyamun-penyamun upahan Raja Imbang Jaya. Tempat-tempat lain yang menjadi latar utama di dalam KTMDBK ialah Sikalawi iaitu negeri di bawah pemerintahan Raja Muda kerana di sinilah upacara perkahwinan Puteri Bongsu dengan Imbang Jaya diadakan. Sungai Ngiang juga menjadi latar tempat yang penting kerana ia merupakan negeri pemerintahan Tiang Bungkok dan anaknya Raja Imbang Jaya. Padang Ganting yang terletak di bawah pentadbiran Tuan Kadhi turut menjadi latar tempat yang penting kerana ia menjadi latar rundingan-rundingan yang diadakan untuk menentukan hukuman ke atas Tjindur Mata.

Oleh yang demikian, latar tempat yang mendasari cerita ini adalah luas disebabkan teks ini merupakan satu tempat cerita pengembaraan yang ditempuh oleh watak utamanya iaitu Tjindur Mata.

(2) Latar masa

Masa yang melatari cerita ini agak sukar untuk ditentukan. Tidak terdapatnya suatu tarikh di dalam teks ini menyukarkan lagi penetapan masanya. Pengarang hanya menyatakan pada awal cerita seperti berikut;

"Adalah pada masa itu, ia di tanah Tanjung Bunga, dalam istana Pagar Ruyung, istana daulat Bunda Kandung..."

(KTMDBK, hlm. 8)

Di dalam KTMDBK tidak dinyatakan tarikh dan masanya. Walau bagaimanapun berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku serta apa yang dilalui oleh watak utamanya Tjindur Mata, telahan tentang masa yang melatari cerita ini dapat diagak walaupun ianya mungkin tidak tepat.

Ia dimulai dengan kelahiran Dang Tuanku serta Tjindur Mata yang kemudiannya membesar dan dewasa menjadi anak muda. Pada waktu inilah mereka menghadapi pelbagai konflik selaras dengan peranan mereka sebagai pemerintah. Cerita ini ditamatkan dengan Tjindur Mata yang dilantik menjadi pemerintah di Pagar Ruyung dan Sungai Ngiang serta mempunyai dua orang anak hasil dari perkahwinannya dengan Puteri Reno Bulan. Dinyatakan juga Tjindur Mata telah melantik anaknya yang bernama Sultan Amirullah menjadi pemerintah di Sungai Ngiang ketika Sultan Amirullah berusia enam belas tahun. Oleh yang demikian agak sukar untuk menentukan tempoh masa yang dilalui oleh Tjindur Mata kerana setiap peristiwa yang berlaku itu tidak dinyatakan dengan jelas dan terperinci.

(3) Latar suasana

Gambaran latar suasana yang diberikan oleh pengarang di dalam teks ini adalah agak jelas di mana peristiwa-peristiwa yang berlaku adalah dilatari oleh negeri Minangkabau. Minangkabau yang menjadi latar utama cerita ini menjadi dasar kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku serta kaitannya dengan watak.

Gambaran masyarakat Minangkabau yang kuat berpegang kepada adat resamnya telah diperlihatkan dengan agak jelas. Sehubungan dengan itu, masyarakat Minangkabau digambarkan sebagai masyarakat yang juga berpegang teguh kepada agama Islam. Ini diperlihatkan melalui dasar pemerintahan Bunda Kandung di Pagar Ruyung yang mengamalkan agama dan adat secara adil dan saksama. Agama dan adat tidak dipisahkan malahan ianya menjadi tonggak kepada pemerintahan Bunda Kandung.

Walau bagaimanapun gambaran masyarakat yang mendokong adat dan agama bersama-sama ini tidak diperincikan dengan jelas. Gambaran ini hanya terlihat di kalangan golongan atasan iaitu pemerintah yang melaksanakan kombinasi agama dan adat sebagai suatu golongan yang amat menghormati golongan pemerintahan di mana setiap kunjungan dari para pemimpin akan diberikan sambutan secara penuh adat istiadat dan besar-besaran. Golongan pemerintah amat dimuliakan. Fenomena seperti ini sudah menjadi resam kepada masyarakat yang mempunyai sistem kerajaan beraja selaras dengan dasar feudalisma yang didokong oleh masyarakat.

(4) Latar persekitaran

Sesuai dengan jalan ceritanya yang mengisahkan atau memperlihatkan dasar pemerintahan secara demokratis yang diamalkan oleh Bunda Kandung, maka cerita berkisar di istana-istana di samping tempat-tempat yang dilalui oleh Tjindur Mata ketika diutus untuk menghantar cenderamata ke Sikalawi. Persekitaran yang menjadi latar cerita ini merupakan latar yang mewujudkan perkembangan ke atas tindakan watak-wataknya. Ini bererti watak-watak yang mendokong cerita beraksi dan bertindak serta berhadapan dengan konflik di dalam suasana dan persekitaran yang melatarinya. Hubungan di antara watak dan persekitaran inilah yang mencetuskan fikiran, sikap dan kebolehan watak-watak di dalam menghadapi pelbagai rintangan serta dugaan.

Persekitaran istana yang melingkungi Bunda Kandung, Dang Tuanku, Tjindur Mata serta Besar Empat Balai dan lain-lain telah melahirkan suatu masyarakat golongan atasan yang amat patuh kepada adat istiadat dan peraturan-peraturan istana. Kebiasaan tersebut telah tidak lagi menjadi masalah kepada mereka kerana ia tidak menjadi satu perkara yang sukar untuk dilaksanakan.

Konflik bermula apabila Dang Tuanku dan Tjindur Mata mengambil keputusan untuk pergi ke Sungai Tarab kerana Bendahara sedang mendirikan gelanggang untuk

mencarikan jodoh anaknya yang bernama Puteri Lenggo Geni. Di sini Tjindur Mata mengetahui peristiwa yang berlaku di Sungai Ngiang daripada dua orang pengembara. Tjindur Mata kemudian menceritakan perkara tersebut kepada Bunda Kandung yang pada mulanya merasa marah akhirnya mengamalkan konsep berdiplomasi apabila beliau menghantar Tjindur Mata sebagai utusannya untuk menghantar cenderamata ke Sungai Ngiang. Bagaimanapun, kejadian ini kemudian telah menimbulkan pelbagai persoalan dan masalah serta konflik yang menjadi plot cerita ini.

Selain daripada itu, terdapat juga latar persekitaran yang berlaku sewaktu peperangan-peperangan meletus di antara pasukan Tjindur Mata dengan pasukan Raja Imbang Jaya dan Tiang Bungkok. Peperangan yang sengit ini membawa kepada kematian beribu-ribu orang tentera dari kedua-dua belah pihak.

Gambaran latar di dalam teks ini berjaya mencetuskan konflik-konflik yang melahirkan plot cerita. Selain daripada itu, pemilihan latar juga dapat disesuaikan dengan para watak kerana latar telah dapat menerangkan sifat, tindakan dan aksi watak-watak. Dengan ini, ternyata bahawa setiap fungsi yang menggambarkan latar cerita ini mempunyai hubungan yang erat dengan unsur-unsur struktur lainnya.

3.3.4 Sudut pandangan

Setiap pengarang akan menentukan teknik penyampaiannya yang tertentu di dalam setiap hasil karya. Dengan ini hubungan bagaimana cara perhubungan si pencerita melihat ceritanya akan ditentukan oleh pengarang. Cara pencerita melihat ceritanya ini disebut sebagai sudut pandangan atau pusat pengisahan atau pusat penceritaan.¹

¹ S. Othman Kelantan, 1987, hlm. 33.

Beberapa orang sarjana seperti Wellek dan Warren, Forster dan Shahnnon Ahmad berpendapat bahawa sudut pandangan itu ada yang utama iaitu sudut pandangan orang pertama dan sudut pandangan orang ketiga serbatahu atau omniscient.¹ Sudut pandangan orang pertama bermaksud pencerita menjadi orang pertama yang turut terlibat secara langsung. Cara ini selalu menggunakan 'aku' atau 'saya'. Adakalanya 'aku' menjadi wakil dari cerita orang lain atau hanya bertindak sebagai pelapor sahaja. Sudut pandangan orang ketiga serbatahu bermaksud pencerita menjadi dewa yang maha ^{tahu} ~~Ameng~~gerakkan watak-watak ciptaannya.

Di dalam bukunya Teknik Mengarang, Mochtar Lubis menambah satu lagi kategori sudut pandangan ini iaitu apa yang disebut sebagai 'multiple' di mana ia merupakan gabungan beberapa sudut pandangan.² M. Saleh Saad pula berpendapat sudut pandangan boleh dilihat dalam lima cara. Pertama: tokoh utama menuturkan ceritanya sendiri; kedua: tokoh bawahan menuturkan cerita dari luar sebagai seorang pemerhati; keempat: pengarang analitik, yang menuturkan cerita tidak hanya sebagai seorang pengamat, tetapi berusaha juga menyelam ke dalam dasar; dan kelima: percampuran antara pertama dengan keempat, yakni suatu cara yang melaksanakan percakapan batin atau aksi dalaman.³

Menurut M. Saleh Saad lagi bahawa dalam sudut pandangan jenis ketiga, pengarang bertindak sebagai pemerhati atau peninjau dari luar. Biasanya gambaran adalah terhad kepada soal-soal luaran saja; dan sesuai dengan cara ini penokohan dilakukan secara analitik. Ini berbeza dengan sudut pandangan jenis keempat, di mana pengarang sebagai pengamat mungkin ikut hadir di dalam diri tokoh-tokoh tertentu untuk

¹ Rene Wellek dan Austin Warren, 1970, hlm. 222-223, E. M. Forster, 1971, hlm. 85-89, Shahnnon Ahmad, 1980, hlm. 73-79.

² Mochtar Lubis, Teknik Mengarang (Jakarta: Perpustakaan Perguruan P.P dan K., 1955), hlm. 16.

³ Lukman Ali (peny.), 1967, hlm. 126.

memberi pengamatan dalaman, walaupun tidak ketara. Pengarang tersembunyi di dalam diri tokoh-tokoh kerana yang ditampilkannya hanyalah peristiwa dan tingkah-laku tokoh-tokoh itu. Ini memberi pengamatan dalaman yang mendalam di samping menunjukkan kebebasan tokoh-tokoh itu bergerak dan berbicara. Bagaimanapun menurut M. Saleh Saad lagi, dalam sebuah karya yang baik, kedua-dua cara ini digunakan secara bergantian.¹

Dengan ini jelas bahawa penganalisaan terhadap sudut pandangan adalah penting di dalam sesebuah karya sastera kreatif kerana ia akan menjelaskan cara penceritaan yang lebih berkesan. Sudut pandangan merupakan teknik pengarang dalam menyampaikan ceritanya dan ia adalah satu aspek yang penting. Penganalisaan terhadap sudut pandangan bererti seluruh unsur instrinsik sesebuah karya sastera sudah disatukan kerana teknik inilah dapat dilihat adanya pembinaan perwatakan, plot, latar, dialog dan sebagainya. Ia juga akan menjelaskan lagi sama ada wujud kerjasama atau kesatuan di antara semua unsur penting ini serta dapat menentukan nilai-nilai struktur yang padu dan menyeluruh serta tidak dinilai secara terpisah-pisah.

3.3.4.1 Sudut pandangan di dalam Kaba Tjinduo Mato dan Bunda Kanduang

Telah menjadi kebiasaan kepada pengarang-pengarang karya tradisional menggunakan sudut pandangan orang ketiga sebagai teknik penceritaan. Oleh yang demikian, KTMDBK tidak terkecuali dari menggunakan sudut pandangan orang ketiga sebagai teknik penceritaan. Kecenderungan pengarang-pengarang kesusasteraan Melayu lama menggunakan teknik penceritaan sudut pandangan orang ketiga ini dipersetujui oleh Hashim Awang yang mengatakan;

¹ Ibid, h_{lm}. 126.

"... sudut pandangan orang ketiga adalah merupakan lanjutan struktur sastera Melayu lama. Di zaman lampau orang menganggap segala hasil sastera itu sebagai hak masyarakat, yang dicipta bersama-sama. Maka itu kita tidak mungkin dapat menemui nama pencipta-pencipta untuk segala hasil sasteranya. Begitu juga ketika bercerita, kesemuanya menggunakan orang yang ketiga sebagai pencerita."¹

Sebagai sebuah hasil karya sastera tradisional, pengarang KTMDBK turut mengekalkan teknik penceritaan seumpama ini. Pengarang sebagai orang yang serba tahu telah bertindak sebagai pencerita mengetahui segala-galanya serta bertanggungjawab menjadi penggerak kepada jalan cerita teks ini. Jalan cerita teks ini dianggap sebagai bercorak deskriptif kerana ia merupakan penceritaan pengarang terhadap aksi dan pemikiran watak-watak ciptaannya. Penceritaan langsung pengarang ini meliputi aksi watak, dialog, imbas muka dan sebagainya. Dengan ini corak penceritaan telah ditentukan oleh pengarang.

Sehubungan dengan ini, watak-watak yang mendokong cerita ini telah diberikan gambaran secara langsung oleh pengarang. Pengenalan terhadap sesuatu watak itu disampaikan sama ada melalui pemerihalan pengarang sendiri ataupun melalui dialog yang dikemukakan oleh watak lain. Umpamanya pengarang telah memberikan gambaran Tiang Bungkok sebagai berikut;

"... rupa berlain pada orang banyak, badan gemuk rendah pendek, kening terjojol yang ke muka, mata besar mata buaya, perut buncit dada berbulu, bulu putih bercampur hitam, banyak uban pada rambut, habis memutih segala rambut..."

(KTMDBK, hlm. 130)

Manakala perwatakan Puteri Bongsu telah diberikan secara langsung oleh pengarang melalui dialog menteri tua kepada Bunda Kandung seperti berikut;

"Lorong kepada Puteri Bongsu jaranglah gadis secantik itu. Tersalin rupa Bunda Kandung. Bentuk rupa daun sirih, rupa

¹ Hashim Awang, 1978, hlm. 44

putih bak nona China, badan cantik tinggi lampai, mata sebagai bintang Timur. Penglihatan seraut jatuh. Pipi berisi pauh dilayang, gigi sebagai delima merekah, bibir putih limau seulas..."

(KTMDBK, hlm. 87)

Selain daripada itu, pengarang turut menerapkan teknik imbas muka di dalam teks ini. Teknik ini digambarkan melalui watak Dang Tuanku yang mempunyai kebolehan untuk mengetahui suatu kejadian atau peristiwa yang bakal berlaku. Dengan kata lain, Dang Tuanku mempunyai firasat yang kuat terhadap sesuatu perkara seperti contoh di bawah;

"Dang Tuanku duduk termenung. Terigau ia seketika. Beliau orang pandai gerak. Apa yang tiba pada Tjindur Mata, gerak mendatang ke badannya."

(KTMDBK, hlm. 50)

"Lorong kepada Dang Tuanku dalam istana Pagar Ruyung, tibalah gerak seketika. Tiang Bungkok telah tiba hendak menyerang Pagar Ruyung menuntut bela kematian anaknya."

(KTMDBK, hlm. 131)

Contoh-contoh di atas menjelaskan bahawa pengarang telahpun memberikan gambaran mengenai peristiwa yang bakal berlaku. Teknik seumpama ini mengurangkan daya 'suspense' pembaca terhadap jalan cerita seterusnya. Kecenderungan para pengarang kesusasteraan Melayu lama menggunakan teknik seumpama ini menjadikan jalan cerita mendatar kerana jalan cerita tidak digerakkan dengan memasukkan unsur-unsur 'suspense' dan sebagainya. Bagaimanapun, teknik penceritaan cara ini akan memudahkan pembaca dari segi pemahaman mereka.

Peranan pengarang di dalam cerita ini amat ketara kerana pengarang bertindak seolah-olah serbatahu ketika mengemukakan para watak atau sesuatu peristiwa. Sudut pandangan yang dipilih oleh pengarangnya berjaya memberikan perlukisan watak-watak dengan berkesan. Watak-watak ini dijadikan media oleh pengarang untuk menyampaikan

idea-ideanya kepada pembaca kerana dengan menggunakan sudut pandangan orang ketiga serbatahu ini, pengarang mempunyai kebebasan untuk menyarankan sesuatu amanat atau idea yang ingin disampaikan dengan lebih jelas. Teknik seumpama ini bersifat 'stereotype' dan ianya agak membosankan kerana jalan cerita atau plot yang dihasilkan adalah mendatar dan longgar.

Dengan ini dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa penelitian terhadap sesebuah karya sastra yang didasarkan kepada pendekatan struktural harus memberikan tumpuan kepada semua unsur yang membina struktur sesebuah karya sastra yang terhasil. Penganalisaan terhadap suatu karya sastra akan menjadi lebih berkesan sekiranya unsur-unsur yang membina karya tersebut berjaya dijalinkan sehingga dapat menimbulkan satu aspek penting yang tersembunyi iaitu aspek amanat cerita.

3.4 Struktur Bahasa Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kandung.

3.4.1 Pengenalan

Bila berhadapan dengan karya-karya kesusasteraan Melayu lama kita akan mendapati tidak adanya keseragaman di dalam pemakaian bahasanya. Keadaan sedemikian berlaku kerana kebanyakan naskhah asal ditulis dengan sistem tulisan Jawi yang tidak memperlihatkan satu sistem tulisan tertentu ataupun ditulis dalam bahasa ibunda yang dituturkan oleh masyarakat yang menghasilkan karya-karya berkenaan. Kebanyakan karya kesusasteraan Melayu lama yang telah dimelayukan masih mengekalkan beberapa perkataan di dalam bahasa asal. Ini menyebabkan ianya terbuka kepada segala macam pentafsiran.

'Kaba' adalah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada semua cerita Minangkabau yang disampaikan dalam bentuk prosa berirama, tersusun dalam baris-baris yang hampir sama panjang, berirama dan kadang-kadang berima. Di Minangkabau

cerita-cerita begini telah memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat sejak berabad-abad yang lalu. Ia bukan sahaja menjadi satu unsur hiburan tetapi juga menjadi wadah untuk menyampaikan pengajaran dan pendidikan.¹ Menurut A. H. Johns, kaba yang tertua dan terpenting ialah Tjindur Mata yang kemudiannya menjadi dasar kepada penciptaan kaba-kaba yang lain.²

3.4.2 Gaya bahasa Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang

Apabila memperkatakan tentang bahasa yang pasti akan disentuh ialah aspek gaya bahasa sesebuah hasil karya. Shahnnon Ahmad menganggap gaya bahasa ini penting untuk menentukan tingkat mutu seni sesebuah hasil sastera.³

Teks KTMDBK yang dijadikan bahan kajian adalah teks yang ditulis di dalam bahasa Minangkabau. Teks ini disusun oleh Sjamsuddin Sutan-Radjo Endah. Penggunaan bahasa Minangkabau ini dinyatakan oleh Maisir Thaib dalam "Sepatah Kata" iaitu;

"Sjamsuddin Radjo Endah yang menuturkan kembali dengan gaya bahasa daerah yang indah akan kaba Tjindur Mata ini."

Oleh kerana teks KTMDBK ini ditulis dengan gaya bahasa Minangkabau maka ia sudah tentunya mempunyai struktur ayat dan sistem morforlogi yang berbeza serta banyak kelainannya dengan struktur ayat dan morforlogi bahasa Melayu. Selain daripada itu, perbezaan juga wujud dari segi kosa kata dan sistem ejaan.

¹ A. H. Johns, 1958, hlm. xi.

² Ibid., hlm. xi.

³ Shahnnon Ahmad, 1975, hlm. 19.

Sesuai dengan teks ini sebagai salah satu hasil kesusasteraan Melayu lama maka teknik penulisan teks ini juga tidak berbeza dengan teknik penulisan karya-karya kesusasteraan Melayu lama yang lain. Pantun merupakan ciri utama yang terdapat di dalam penulisan sesebuah kaba.

Seperti kaba-kaba yang lain, KTMDBK ini juga dimulai dengan pantun sebagai pendahuluan. Secara tradisi, isi pantun-pantun ini termasuk menyatakan maksud pengarang menyusun kabanya, memohon maaf kepada nenek-nenek yang menurunkan kaba itu dari generasi yang telah lalu dan rasa rendah diri pengarang tentang kebolehan yang tidak seberapa, kerana itu bersedia memohon maaf dan menerima teguran pembacanya.¹ KTMDBK ini telah dimulakan dengan pantun pengenalan yang berbunyi;

Kapa Ulando ba-petak-petak,
 Banjak teserak buah palo,
 Nangkodoh Datuk Radjo Indomo,
 Balabuah sandjo pukua anam,
 Kaba lah lamo komah talatak,
 Kini ditjetak diulang pula,
 Maulang kadji nan lamo,
 Membangkik tarech nan tabanam.

Elok dikumpa udjung tali,
 Buliah pengabek aka baha,
 Aka diambiak kataruko,

¹ Harun Mat Piah, Puisi Melayu Tradisional : Satu perbicaraan Genre dan Fungsi (UKM: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, 1981), hlm. 584.

Elok dikumpa udjung njanji,
 Njanji talereng dijadi kaba,
 Kaba tjurito TJINDUO MATO.

(KTMDBK, hlm. 8)

Maknanya;

Kapal Belanda berpetak-petak,
 Banyak terserak buah pala,
 Nakhoda Datuk Raja Indomo,
 Berlabuh senja pukul enam,
 Kaba telah lama kemas terletak,
 Kini dicetak diulang pula,
 Mengulang kaji yang lama,
 Membangkit tarikh yang terbenam.

Elok disimpul hujung tali,
 Boleh pengikat akar baha,
 Akar diambil meneroka,
 Elok disimpul hujung nyanyi,
 Nyanyi terlereng jadi kaba,
 Kaba cerita TJINDUR MATA.

Penutup cerita juga diakhiri dengan pantun yang berbunyi;

Dimano asa api palito,
 Io dipandan nan baduri,
 Dimano asa niniak kito,
 Io dikaki Gunung Marapi.

Rami kampuang rang Sumaniak,
 Rami dianak urang Gurun,
 Rami nan sampai tengah hari,
 Talantuang karano naik,
 Ralantak bagageh turun,
 Maaf djo reda penyudahi.

(KTMDBK, hlm. 153).

Maknanya;

Di mana asal api pelita,
 Ia di pandan yang berduri,
 Di mana asal nenek kita,
 Ia di kaki Gunung Merapi.

Ramai kampung orang Sumanik,
 Ramai anak orang Gurun,
 Ramai yang sampai tengah hari,
 Terlentang kerana naik,
 Terantok bergegas naik,
 Maaf jua reda penyudahi.

KTMDBK ini banyak menyelitikan bentuk-bentuk puisi lama iaitu di dalam bentuk pantun. Ianya dapat dilihat pada halaman-halaman 8, 15, 18, 24, 33, 37, 68, 71, 72, 74, 105, 113, 129, 139, 143, 144, 145, 146, 147, 148 dan 153. Dengan adanya penyelitan pantun-pantun tersebut, ianya telah menambahkan lagi keindahan atau nilai estetika pada gaya bahasa di dalam teks ini.

Selain daripada itu jelas didapati di dalam teks ini akan penggunaan jalinan perkataan-perkataan yang hasilnya dapat mewujudkan satu bentuk gaya bahasa lama, umpamanya;

Olak olainya maso itu (hlm. 8)

Ado sabanta antaronjo (hlm. 10)

Kan io maso itu (hlm. 11)

Teks ini juga mengandungi gaya bahasa yang lain iaitu:

(a) **Simile atau perbandingan.**

Simile adalah perbandingan dua hal yang pada hakikatnya berlainan dan yang sengaja kita anggap sama.¹

bak pinang dibelah dua (hlm. 13)

muka berbulu serupa siamang (hlm. 47)

bagai dibelalakkan orang buta (hlm. 38)

mata sebagai bintang timur (hlm. 87)

gigi sebagai delima merekah (hlm. 87)

(b) **Sinisme**

Sinisme adalah sejenis gaya bahasa yang berupa sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan dan ketulusan hati.² Di dalam KTMDBK juga terdapat unsur-unsur sinimisme iaitu;

¹ Henry Guntur Tarigan, Pengajaran Gaya Bahasa (Jakarta : Penerbit Angkasa, 1985), hlm. 9-10.

² Ibid, hlm. 91.

"... telah patut Bujang takut pergi, Puteri Bongsu bangsa garuda, takut digonggong dibawa terbang, ia biasa makan orang."

(KTMDBK, hlm. 88)

"... tapi benar pula yang demikian, Lenggo Geni jadi harimau, nanti diterkamnya bujang di sana."

(KTMDBK, hlm. 89)

"Inilah tuah Mak Tuan bermenantu raja mulia, cantik bukan alang kepalang. Pinggang ramping bak kerengge, lubang hidung yang bak gendang, kulit halus bak biawak... patut si Bongsu berhati suka."

(KTMDBK, hlm. 72)

(c) Perulangan

Perulangan adalah gaya bahasa yang mengandungi perulangan bunyi, suku kata, kata atau frasa ataupun bahagian kalimat yang dianggap penting untuk memberi tekanan dalam sesebuah konteks yang sesuai.¹

Unsur-unsur perulangan yang terdapat di dalam KTMDBK adalah seperti berikut;

adat di mana dipakainya

lembaga di mana disauknya

ajaran siapa dipakainya

(hlm. 36)

menurut adat nan berpakai

menurut contoh dan tauladan

raja adil raja disembah

raja zalim raja disanggah

(hlm. 39)

¹ Ibid., hlm. 180

bukan menyamun emas perak
 tidak menyamun harta benda
menyamun kesam kesumat
menyamun nyawa badan

(hlm.46)

3.4.3 Struktur ayat

Hasil dari penelitian yang dibuat ternyata bahawa struktur ayat di dalam teks KTMDBK ini adalah panjang-panjang. Ia merupakan ciri umum kepada hasil-hasil karya kesusteraan Melayu lama. Amat sukar untuk menemui ayat-ayat yang pendek dan ekonomis serta tepat maknanya di dalam karya-karya kesusasteraan Melayu lama.

Hal seumpama ini terjadi kerana pengarang tidak memberikan penekanan kepada tanda-tanda bacaan seperti noktah, koma, tanda seruan, tanda soalan dan sebagainya. Keadaan ini menimbulkan kesukaran dari segi bacaan dan pemahaman. Ini dapat dilihat dari contoh petikan di bawah yang berbunyi;

"Olak olainya maso itu io diranah Tandjung Bungo; dalam Ustano Paga Rujuang Ustano Daulat Bundo Kanduang Ustano gadang mahligai tinggi berandjuang perak andjuang suaso tampek sumajam Bundo Kanduang radjo usali turun temurun bukan radjo yang memintak bukan radjo dan babali sama tadjadi djo alam nangko."

(KTMDBK, hlm. 8)

Struktur ayat di atas memperlihatkan suatu bentuk ayat yang panjang serta berlapis-lapis. Permulaan sesuatu ayat atau permulaan perenggan baru biasanya ditandakan dengan perkataan-perkataan seperti 'Kan io maso itu', 'Kan io waktu itu', 'Lorong kapado perkaro itu' dan sebagainya.

Kelainan Bahasa Minangkabau dengan Bahasa Malaysia hanya dari segi lafal, di samping mengemukakan beberapa kosa kata yang berlainan. Di antara kelainan lafal yang wujud ialah u - ua' (duduk dari duduak), ut - uik (rumput dari rumpuik), at - aik (adat dari adaik), al/ar - a (jual dari jua) dan (kabar dari kaba), e - a (beban dari baban); dan a - o (kuda dari kudo); awalan ber-, ter-, dan per- jadi ba-, ta- dan pa- seperti berlari dari balari, termakan dari tamakan dan perdalam dari padalam.¹

Ditinjau dari segi bidang morfologi Bahasa Minangkabau, awalan ba- dalam bahasa Minangkabau menjadi awalan ber- dalam bahasa Malaysia. Awalan ba- ini dapat dilihat menerusi perkataan-perkataan seperti:

baranti	----->	berhenti
badjalan	----->	berjalan
babaliak	----->	berbalik
babunji	----->	berbunyi
bakukuak	----->	berkokok
badabua	----->	berdebur

Awalan ba- ini sememangnya merupakan satu bentuk khusus yang terdapat di dalam bahasa Minangkabau.

Penggunaan awalan ka- pada bahasa Minangkabau mempunyai persamaan dan kelainan dengan ke- pada bahasa Malaysia sebagai kata depan penunjuk arah dan sebagai awalan seperti ke ateh yang bermaksud ke atas dan kabatu yang bererti ke batu. Bagaimanapun, ka- dalam bahasa Minangkabau sebagai kata depan penunjuk aspek waktu bererti 'akan' di dalam bahasa Malaysia seperti berikut:

¹ Edwar Djaramis, "Bahasa Melayu Minangkabau" dalam Dewan Bahasa, Jilid 26, 1982, hlm. 346.

nagari djauh kadituruik (hlm. 45)

negeri jauh akan diturut

kalau mamak kamambali (hlm. 50)

kalau mamak akan membeli

hamba nan balun kabasidakah (hlm. 50)

hamba yang belum akan bersedekah

Dengan ini ternyata di antara bahasa Minangkabau dengan bahasa Malaysia agak ketara perbezaannya dari aspek struktur dan morforlogi.

3.4.4 Sistem ejaan

Dari segi sistem ejaan, teks KTMDBK ini menggunakan sistem ejaan Minangkabau yang ternyata berbeza dengan sistem ejaan bahasa Malaysia. Untuk memudahkan penganalisan fonemik bahasa Minangkabau ini, ia akan didasarkan kepada sistem ejaan Minangkabau yang dilakukan oleh Anthony H. Johns di dalam Rantjak Di Labueh : A Minangkabau Kaba¹ yang telah membahagikan sistem ejaan ini kepada;

p		t			k	
b		d			g	
	f			ç		
			s	j		
			z			h
			l			
m			n	ñ	j	
	w		r	y		

¹ A. H. Johns, 1958, hlm. xx.

Berdasarkan pembahagian ini terdapat perbezaan-perbezaan yang ketara di antara bahasa Minangkabau dengan bahasa Malaysia/bahasa Indonesia seperti berikut:

<u>Akhiran</u>	<u>B. Minangkabau</u>	<u>BM/B. Indon.</u>
-ok, -uik ---> -ap, -up	ganok	genap
	iduik	hidup
-ik, -ek, -uik ---> -it, -at, -ut	sakik	sakit
	amek	amat
	sahobaik	sahabat
	ribuik	ribut
-ih, -eh, -uih ---> -is, -as, -uh	gadih	gadis
	galeh	galas
	luluh	luluh
-ie, -ue ---> -il, -ul	ambie	ambil
	sanggué	sanggul
-ie, -a ---> -ir, -ar	ilie	hilir
	bāna	benar
-iek, -uek ---> -ik, -uk	upiek	upik
	masuak	masuk
-iang, -uang ---> -ik, -uk	dindiang	dinding
	djudjuong	junjung
-ieh, -ueh ---> -ih, -uh	pilieh	pilih
	labu'eh	labuh

Kewujudan perbezaan-perbezaan yang agak ketara ini menimbulkan kesukaran dari segi pemahaman pembaca serta mengganggu kelancaran pembacaan. Setengah perkataan yang ditemui amat sukar untuk diketahui maknanya. Kesukaran ini bukan sahaja akibat dari perbezaan sistem ejaan malah ia juga berpunca dari sistem sebutan (fonetik) yang jauh berbeza dengan sistem fonetik bahasa Malaysia.

3.4.5 Pengaruh bahasa asing

Sebagai sebuah hasil karya yang dilahirkan di dalam lingkungan masyarakat Minangkabau serta ditulis pula dengan menggunakan bahasa Minangkabau maka KTMDBK tidak memperlihatkan kewujudan perkataan-perkataan yang dibungai oleh pengaruh asing. Hanya ada beberapa perkataan yang berbau keagamaan masih mengekalkan sebutannya di dalam bahasa Arab seperti;

kadi	ibadat	hadis
hukum syara'	kitab	Qur'an

Dari penelitian yang dibuat ternyata bahawa struktur bahasa Minangkabau ini mempunyai strukturnya yang tersendiri dan unik. Walaupun ianya agak sukar namun keistimewaanya itu menjadikan karya-karya sastera masyarakat Minangkabau ini mempunyai nilai estetis di samping kelahirannya sendiri di dalam masyarakat yang kaya dengan nilai-nilai etika dan estetikanya.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN ASAS:

Sjamsuddin Sutan Radjo-Endah. *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kandung Indonesia* : C.V .Pustaka Bukit Tinggi, cetakan ketiga, tanpa tahun.

RUJUKAN UMUM

Abu Bakar Hamid, ed. *Diskusi Sastera Jilid I: Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976.

Abrams, M.H. *A Glossary of Literary Terms*. New York : Holt, Rinehart & Winston, 1981.

Ali Ahmad. *Asas Menganalisa Cereka*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.

Ann Jefferson dan David Robey, ed. *Teori Kesusasteraan Moden : Pengenalan Secara Perbandingan*. Kuala Lumpur : Dewan dan Pustaka 1988.

Cleanth Brooks dan Robert Penn Warren. *Understanding Fiction*. New Jersey : Prentice hall, 1970.

Eudora Welty, " Place in Fiction, " dalam Shiv Kumar dan Keith McKean, ed. *Critical Approaches to Fiction*. New York : McGaw- Hill Book Co., 1968

Faruk. *Strukturalisma Genetik (Teori General, Perkembangan Teori dan Metodenya)*. Jakarta : Masyarakat Poetika Indonesia, 1986.

H.Idrus Hakim Dt. Rajo Penghulu. *Pegangan Penghulu, Bundo Kanduang dan Pidato Alua Pasambahan Adat Di Minangkabau*. C.V .Bandung : Penerbit Remadja Karya, 1984.

Hashim Awang. *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.

_____. *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Tema dan Struktur*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

Harun Mat Piah. *Puisi Melayu Tradisional : Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, 1981.

Nordin Selat. *Sistem Sosial Adat Papatih*. Kuala Lumpur : Utusan Melayu (M) Bhd., 1976.

-
- _____ *Renungan* . Kuala Lumpur : Utusan Printcorp Sdn. Bhd., 1978.
- Othman Putih. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua : Satu Analisis Tentang Pemikiran Dan Struktur*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983 .
- Rene Wellek dan Austin Warren. *Theory Of Literature*. Harmondsworth : Penguins Books, 1970.
- Richard Taylor . *Understanding The Elements Of Literature*. London: Macmillan, 1981.
- Robert Scholes. *Structuralism In Literature*. London : Yale University Press, 1977.
- S. Othman Kelantan. *Teknik Mengkaji Novel*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd., 1985.
-
- _____ *Kecenderungan Baru Dalam Novel Melayu: Satu Kajian Struktur*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka ,1987.
- Shahnon Ahmad. *Gubahan Novel* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
- Sylvan Barnet, Morton Berman dan William Burto. *A Dictionary Of Literary Terms*. Boston : Little , Brown and Company, 1960 .
- Teeuw, A. *Membaca dan Menilai Sastera* . Jakarta : Gramedia, 1983 .
- Teuku Iskandar . *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.
- Terence Hawkes. *Structuralism and Semiotics*. London : Methuen and Co. Limited., 1978.
- Wilbur Scott. *Five Approaches Of Literary Criticism*. London : Collier - Macmillan, 1962.

AKHBAR / MAJALAH / JURNAL:

- Abdul Samad Idris, "Adat Bersendi Hukum," *Mingguan Malaysial Pancaindera*, 5 hb. Febuari 1989, h. 3.
- Alis Murni, "Penglipurlara Melayu dan Kaba Minangkabau (Satu Perbandingan)," *Dewan Bahasa*, 13:1 (Jan. 1969),h. 35-36.
- Edwar Djaramis. "Bahasa Melayu Minangkabau," *Dewan Bahasa*, Jilid 26 (1982), h. 346.
- Ismail Hussein, "Malay Philology - Possible Contribution From Malaysia," *Review of Southern Asia Studies*, 1:3, (1971), h. 21.
- Umar Junus, "Lingkaran Cerita Kaba," *Dewan Sastera*, 10:6 (Jun 1980), h. 54.
- Mohd. Thani Ahmad, "Kesusasteraan dan Strukturnya : Satu Pendekatan," *Dewan Bahasa* (Nov. 1973), h. 503.

KERTASKERJA:

Irene Portis Winner, t. t., "The Semiotic Character Of The Aesthetic Function As Defined By The Prague Linguistic Circle."

Umar Junus, "Kaba dan Sistem Sosial Minangkabau: Satu Problema," kertaskerja Seminar Internasional Mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau, Bukit Tinggi, (Sept. 1980), h. 2-12

Navis, A. A., "Kaba : Cerita Rakyat Minangkabau," kertaskerja Pertemuan Sasterawan Nusantara III, Kuala Lumpur, (Dis. 1981), h. 12.

LAMPIRAN I

Bahagian pembukaan *Kaba Tjinduo Mato dan Bunda Kanduang*, berdasarkan naskhah asal kaba tersebut.

8

KALAPO NJIUK GADIANG

Kapa Ulando ba.petak2,
Banjak teserak bush palo,
Nangkodoh Datuk Radjo Indomo,
Balabuah sandjo pukua anam.

Kaba lah lamo komah talatak,
Kini dilietak diulang pulo,
Maulang kadji nan lamo,
Mambangkik tarech nan labauam.

Elok dikumpa udjung tall,
Buliah pangabek aka baha,
Aka diambiak kataruko.

Elok dikumpa udjuang ujanj,
Njanji talereng djadi kaba,
Kaba tjurito TJINDUA MATO.

OLAK olainjo maso itu lo diranah Tandjung Sango;
dalam Ustano Paga Rujuang Ustano Dauai Bundo
Kanduang Ustano gadang mahligai tinggi barandju-
ang perak andjuang suaso tampek sumajam Bundo Kan-
duang radjo usali turun tamurun bukan radjo dang
mamintak bukan radjo dang babali samo tadjadi djo
alam nangko.

Radjo badiri sadirinjo timbalan radjo Banua Ru-
hum timbalan radjo Banua Tjino timbalan radjo di
lautan sapih balahan ampek djurai mandjudjuang
Mangkuto Kulah Kamar batatah intan muliaro ba-
djambua baameh mutu mamakai kain si Gandur-gan-
dun dikambang saleba alam dibatun sabatun kuku

LAMPIRAN II

Bahagian akhir *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang*, berdasarkan naskhah asal kaba tersebut.

153

pado niniak mamak dari mamak ka panghulu ilbo di-
panghulu kapado lareh lareh nan duo luhak nan tigo
partamo Lareh Koto Piliang lo ganggaman Datuak Parpa-
tiah Datuak Parpattiah nan Sabatang ilu dipakai Tuan
Tiltah lo Bandaharo Sungai Tarab nan kaduo Lareh
Budi Tjaniago pegangan Datuak Katumanggungan ga-
dangnjo balega pusako basalin sakali ala gadang sakali
tapian baralih bulak kato djo mupakaik tinggijnjo nan
baandjuang gadangnjo nan baamba pusek djalo pusi-
punan ikan lo di Balairuang Pandjang didalam nagar
Parlangan sadjadjaran Balang Sangkaweh diateh Bar-
ngin nan Sonsang disanan banto nan barajun Sirangkak
bakuku hitam disanan buajo putih daguek sampas
kini baltu djuo kalau anda tidak pitjajo bullah badjalan
kini djuo lo ka Parlangan Padang Pandjang baolah
kumajan putih baka kumajan lito disanan sarulah apo
nan katudju kalau anda handak maliek handak pa-
badjalan-djalan baolah foto nan sabuah untuak djad-
kanang-kanangan disanan turun njinjak kito njinjak
mojang rang Minang Kabau.

Dimano asa api palito
lo dipandan nan baduri
Dimano asa niniak kito
lo dikaki Gunung Marapi.

Rami kampuang rang Sumanak
Rami diarak urang Gerun
Rami nan sampai langah hari.

Talantuang karano naik
Ralanak bagageh turun
Maaf djo reda panjudahi.

T A M M A T